Selamat Menyambut HARI KEMERDEKAAN KE-62

PERCUMA

OGOS 16-31, 2019

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pulau Pinang sebagai rakan strategik ekonomi negara

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



KETUA Menteri dan Mohamed Azmin Ali (barisan depan, dua dari kiri) bersama-sama pihak berkaitan merakam gambar kenangan pada Sesi Libat Urus Penyediaan RMK-12 di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang merupakan negeri yang penting sebagai rakan strategik ekonomi dalam negara dan menjadi antara penyumbang tertinggi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nasional.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Pulau Pinang adalah antara negeri terbangun di Malaysia yang menyumbang sebanyak RM91.18 bilion atau 6.7 peratus daripada KDNK nasional pada tahun 2018.

"Pulau Pinang telah mendahului dari segi rancangan pembangunan melalui pelan pembangunan *Penang2030*, dan perincian dalam pelan ini *(Penang2030)* memberi fokus untuk mengangkat martabat rakyat di negeri ini tanpa mengira latar belakang kaum serta agama.

"(Dan) kami di peringkat Kementerian (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, MEA) akan terus menyokong sepenuhnya rancangan pembangunan ini dan memastikan Pulau Pinang terus menjadi antara penyumbang utama kepada KDNK negara," beliau berkata demikian pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sejurus menghadiri Sesi Libat Urus Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), 2021-2025 di sini 2 Ogos lalu.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri; Ketua Setiausaha MEA, Datuk Saiful Anuar Lebai Hussen; Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Sarul Bahiyah Abu; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad; ex-officio Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.

Azmin ketika mengulas mengenai sesi libat urus memberitahu bahawa pihaknya kini dalam siri jelajah ke negeri-negeri seluruh negara bermula 5 Julai lalu, dan Pulau Pinang merupakan negeri keenam yang dilawati selepas Melaka, Johor, Perak, Sabah dan Sarawak.

"Sesi libat urus yang diadakan antara kepimpinan Kerajaan Negeri dan pihak Kementerian (MEA) ini adalah untuk menyediakan kerangka bagi RMK-12 yang kita (MEA) jangka akan dibentangkan pada bulan Ogos atau September tahun hadapan (2020).

"Melalui sesi ini, pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat berganding bahu membentangkan hala tuju pembangunan untuk mencipta sumber pertumbuhan ekonomi yang baru.

"Hal ini bertujuan menjadikan Pulau Pinang sebagai antara penggerak ekonomi utama di wilayah utara Semenanjung, dan pada sama dapat merapatkan jurang ekonomi agar dapat dinikmati bersama-sama," katanya.

Dalam pada itu, Kon Yeow dalam ucapannya menyifatkan sesi libat urus berkaitan sebagai platform yang membolehkan Kerajaan Negeri mengetengahkan perancangan pembangunan negeri agar dapat diperinci serta diselaraskan dalam penyediaan dokumen RMK-12.

"Pelaksanaan sesi ini adalah amat baik bagi memastikan agenda pembangunan negeri selari dengan agenda pembangunan negara. Malah, ia menunjukkan komitmen MEA dan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan dasar dan perancangan dibuat dengan teliti serta melibatkan semua pihak berkepentingan termasuk di peringkat Kerajaan Negeri.

"Dari segi prestasi ekonomi, Pulau Pinang boleh dikatakan mencapai pertumbuhan positif hampir setiap tahun, namun masih banyak ruang yang boleh diperbaiki serta banyak cabaran yang perlu dilalui dalam membangunkan negeri ini.

"(Dan) yang paling utama adalah untuk mempelbagaikan sektor ekonomi agar tidak tertumpu kepada sektor perkhidmatan dan pembuatan sahaja serta meningkatkan pendapatan rakyat di negeri ini.

"Saya berharap agar pihak Kementerian (MEA) dan Kerajaan Persekutuan dapat memberi perhatian terhadap aspek pembangunan sosioekonomi yang dapat melonjakkan ekonomi Pulau Pinang terutamanya dalam konteks pelaksanaan projek-projek pembangunan berimpak tinggi," jelasnya yang mahu sinergi antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta dapat diteruskan demi manfaat semua.

Terdahulu, wakil daripada MEA dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang masing-masing membentangkan hala tuju pembangunan bagi tempoh 2021 sehingga 2025 yang mana penyediaan RMK-12 akan diselaraskan dengan wawasan Kemakmuran Bersama yang diumumkan Perdana Menteri pada 9 Mei 2019.

Difahamkan, wawasan Kemakmuran Bersama dijadikan sebagai satu iltizam dalam membangunkan Malaysia yang mampan serta inklusif dengan berteraskan tiga dimensi yang terkandung dalam RMK-12, iaitu pemerkasaan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kerekayasaan sosial.

# Kadar kitar semula Pulau Pinang tertinggi dalam negara

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang mencatatkan kadar kitar semula tertinggi dalam negara pada tahun 2018 iaitu sebanyak 42.69 peratus.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa kadar tersebut adalah lebih tinggi berbanding sasaran kadar purata nasional iaitu 24 peratus bagi tahun yang sama.

"Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mencatatkan kadar kitar semula sebanyak 32.9 peratus bagi tahun 2019 iaitu telah melepasi sasaran nasional (27 peratus) bagi tahun ini.

"Manakala, bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mencatatkan 47.15 peratus pada tahun 2018, melebihi kadar peratusan nasional yang disasarkan iaitu 24 peratus.

"Saya juga dimaklumkan bahawa MPSP masih lagi menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mencatatkan kadar kitar semula paling tinggi dalam negara," ujarnya pada sidang media selepas menghadiri taklimat sistem parkir pintar *'Penang Smart Parking'* di sini 26 Julai lalu.

Turut serta, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal Bahagian Kerajaan Tempatan, Oon Lai Kuan.

Walau bagaimanapun, Jagdeep menyatakan bahawa kedua-dua PBT perlu mengambil langkah lebih proaktif bagi meningkatkan lagi kadar kitar semula di negeri ini.

"Tindakan penguatkuasaan juga perlu ditingkatkan kepada pihak-pihak berkaitan yang masih tidak mematuhi Dasar Pengasingan Sisa Di Punca," tegasnya.

Dalam pada itu, Tung Seang memberitahu bahawa sasaran MBPP pada masa ini adalah untuk mengurangkan sisa domestik yang dihantar ke tapak pelupusan Pulau Burung.

"Pelbagai usaha kita (MBPP) lakukan termasuk mengadakan kerjasama dengan komuniti setempat serta melaksanakan program-program pendidikan sehingga membolehkan Pulau Pinang mencapai kadar kitar semula paling tinggi dalam negara," katanya.



2.0 KITAR SEMULA

2.1 KADAR KITAR SEMULA 2010 - 2018

| TAHUN | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| SISA (TONS) | 555,956 | 546,345 | 528,275 | 635,555 | 667,955 | 666,460 | 756,198 | 798,364 | 849,154 |
| KITAR SEMULA (TONS) | 129,804 (23.3%) | 144,682 (26.48%) | 157,286 (29.77%) | 207,849 (32.7%) | 233,790 (35%) | 282,932 (39.11%) | 322,189 (42.60 %) | 345,329 (43.25 %) | 425,640 (47.15%) |

KADAR kitar semula dari tahun 2010 hingga 2018.

## Tenggelamkan bot asing, Exco sokong pertimbangan Pusat

**GEORGE TOWN -** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyokong langkah Kerajaan Persekutuan mempertimbang cadangan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) supaya menenggelamkan bot-bot asing yang ditangkap menceroboh kawasan perairan negara.

Menurutnya, pemerintah Indonesia sejak empat tahun lepas lagi telah mengambil langkah tegas sebegitu.

"Sebenarnya, Indonesia telahpun melakukan aktiviti penguatkuasaan yang radikal sejak empat tahun lepas dan saya difahamkan ada juga (kapal) nelayan dari Malaysia pernah ditangkap serta ditenggelamkan di perairan (negara berkenaan).

"Kalau Indonesia boleh buat, (Kerajaan Persekutuan) Malaysia juga tidak terkecuali boleh melakukan perkara yang sama.

"Ini kerana, ianya menghantar mesej kuat dan tegas kepada nelayan-nelayan (asing) yang menceroboh perairan negara," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini 1 Ogos lalu.

Beberapa Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang lain turut sertai sidang media tersebut.

Menjawab soalan pemberita lagi, Afif menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan menyokong apa jua pertimbangan yang dibuat pada peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Kita menyokong usaha yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dalam soal ingin menjaga kepentingan nelayan-nelayan dalam negara, dan juga sumber-sumber perikanan yang ada dalam negara, lebih-lebih lagi yang menangkap membabitkan kapal-kapal asing.

"Juga, termasuk menyelesaikan masalah pukat-pukat tunda yang harus dilakukan dengan lebih tegas,'' ujarnya.

Pada 31 Julai 2019, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) ke-34/2019 dekat Kuala Lumpur, menerima cadangan untuk menenggelamkan bot-bot nelayan asing yang ditangkap menceroboh kawasan perairan negara.

Sementara itu, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam kenyataan berasingan dilaporkan berkata, Kerajaan Persekutuan sedang meneliti dasar pemerintahan Indonesia tersebut, dengan memusnahkan atau menenggelamkan bot-bot nelayan asing yang ditangkap menceroboh sperairan negara ini.



DR. Afif Bahardin.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Terusan Prangin sebagai Tapak Arkeologi Urbanisasi Sia Boey pertama negara

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**KERJA-KERJA** merejuvenasikan semula kawasan Sia Boey yang terletak di Ujung Pasir di bawah kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Komtar mempunyai nilai sejarah menarik meskipun proses (meremajakan semula kawasan) berkenaan adalah agak mencabar.

Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Dr. Ang Ming Chee menyatakan bahawa projek merejuvenasi kawasan berkenaan adalah termasuk mewujudkan pintasan Prangin, kajian arkeologi di Tapak Lembangan Terusan Prangin Lama (Tapak A) dan berek polis (Tapak B) oleh Universiti Sains Malaysia (USM), pemuliharaan terusan Prangin, pemuliharaan Pasar Prangin Lama, tapak arkeologi serta kerja-kerja landskap.



SISTEM penapisan air yang dipasang di terusan Prangin, Tapak Arkeologi Sia Boey.

"Terusan Prangin ini akan ditampilkan sebagai Tapak Arkeologi Urbanisasi pertama di Malaysia dan pemulihan semula ia adalah meliputi 220m (meter) di tapak Sia Boey daripada keseluruhan 11.7km (kilometer). (11.7km ini diambil daripada peta George Town pada tahun 1881, *Governor of the Straits Settlement*).

"Ingin ditegaskan sekali lagi bahawa terusan (Prangin) ini bukan sungai kerana ia tidak ada sumber air semula jadi. Dahulunya berfungsi sebagai saliran tadahan hujan yang mana ia mengumpulkan air yang datang dari jalan raya dan mungkin juga tangki septik serta dapur," ujarnya pada sesi lawatan khas di tapak Sia Boey pada 1 Ogos lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Kanan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Ir. Yeoh Lean Huat.

Terdahulu wakil-wakil media dibawa melawat sekitar kawasan berkenaan sebagai penerangan secara lebih jelas berhubung kerja-kerja teknikal merejuvenasikan kawasan tersebut selepas projek itu tular di media sosial baru-baru ini dengan pelbagai spekulasi.

Mengulas mengenai isu yang hangat diperkatakan itu, Lean Huat menjelaskan bahawa lencongan (air) perlu dilakukan kerana keseluruhan kawasan tadahan di hulu adalah meliputi 278 ekar yang bermula dari Jalan Burma, Jalan Anson, Lebuh Muntri, Lebuh Pantai dan Jalan Magazine yang mana sebahagian besarnya terletak di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town yang disenaraikan UNESCO.

"Kebanyakan bahagiannya (hulu) berada di bawah tanah dan hanya beberapa bahagian terusan sahaja terletak di permukaan, oleh itu, ia adalah rumit untuk membersihkan serta merawat keseluruhan kawasan ini.




DR. Ang Ming Chee (kiri) menunjukkan pelan kawasan tadahan air S10.

"Pintasan ini adalah bagi mengelakkan pelepasan air dari hulu daripada terus mengalir ke terusan Prangin yang ingin dipulihkan.

"(Pintasan Prangin) dibina untuk mengalihkan saluran air terus ke saliran bawah tanah yang mengalir ke loji untuk dirawat sebelum dilepaskan ke laut, ini adalah sebahagian daripada Projek Pengurangan Banjir S10," jelasnya.

Mengulas lanjut, Lean Huat memaklumkan bahawa pihaknya dan GTWHI tidak mahu memusnahkan nilai-nilai sejarah yang ada di Sia Boey terutamanya terusan Prangin.

"Bandar George Town memerlukan longkang air yang lebih luas dan besar… kami tidak mahu memecahkan atau memusnahkannya (terusan Prangin).

"Justeru, untuk mengurangkan impak banjir, longkang yang lebih luas dibina iaitu di antara 5 hingga 9.1m lebar dan 2m dalam berbanding terusan Prangin asal adalah kira-kira 4.5m lebar serta 1.5m dalam," katanya.



SEBAHAGIAN tumbuhan semula jadi yang masih dikekalkan.

## Projek pulihara Bukit Bendera bakal diperbincang

**AIR PUTIH -** Sektor korporat swasta juga wajar dipelawa untuk kerja-kerja pemeliharaan serta pemuliharaan bangunan yang mempunyai nilai warisan di puncak Bukit Bendera supaya menggamit lebih ramai pengunjung tempatan dan pelancong asing ke kawasan pelancongan tanah tinggi negeri ini.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Kementeriannya sendiri akan turut mempertimbangkan beberapa perancangan masa depan yang dicadangkan oleh agensi negeri, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC).

"Sudah tentu Kerajaan Persekutuan begitu menyokong usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dalam mengembangkan potensi ekonomi negeri serta meningkatkan pendapatan isi rumah rakyat.

"Saya akan bawa perkara (cadangan projek pemeliharaan Bukit Bendera) ini dengan Kementerian dan Kerajaan Negeri, melihat bagaimana Kerajaan Persekutuan boleh membantu Kerajaan Negeri," jelasnya selepas mengadakan lawatan ke Bukit Bendera di sini 2 Ogos 2019.

Turut mengiringi, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang dan Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu.

Selain itu, Mohamed Azmin turut menyokong kerja-kerja mengurangkan risiko tanah runtuh di puncak Bukit Bendera, yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan PHC.

Baginya, projek-projek berwajib tersebut penting demi memastikan keselamatan pelancong yang berkunjung ke sini terus terpelihara.



MOHAMED Azmin Ali (bertopi) berjalan melintasi salah satu laluan di The Habitat, Bukit Bendera bersempena lawatan khas beliau di sini baru-baru ini.

# Syukur, beli pukat baru dengan bantuan diterima

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PENAGA –** Seramai 536 nelayan masing-masing 386 dari Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah, SPT (150) menerima sumbangan baucar daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga, Md. Khalil Salleh berkata, inisiatif bernilai RM400 yang disumbangkan sejak tahun 2017 tersebut membolehkan para nelayan pesisir pantai mendapatkan pukat-pukat baru.

"Sasaran utama bantuan ini adalah khusus untuk nelayan yang bekerja sepenuh masa dalam aktiviti-aktiviti nelayan di pesisir pantai serta mempunyai lesen sah," katanya semasa merasmikan program berkenaan di sini 29 Julai lalu.

## Apa kata penerima?

Bagi nelayan kawasan Sungai Ajidin, **MD. JUSOH ISMAIL**, 58, berkata bahawa beliau berasa bersyukur dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

"Alhamdulillah, RM400 ini dapat menampung pendapatan saya untuk membaiki serta membeli barang bagi membuat pukat baru,'' ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara sejurus menerima baucar bantuan tersebut.

Seorang lagi penerima, **ALI HASHIM**, 47, menyifatkan bahawa bantuan tersebut adalah amat diperlukan.

"Bagi saya RM400 ini sememangnya banyak dan mudah bagi saya untuk membeli pukat serta menjimatkan duit poket saya.

"Peruntukan ini hanya dibenarkan untuk membeli pukat sahaja dan bahan-bahan bagi membuat pukat.

"Selain itu, masalah kami (nelayan) di kawasan ini adalah terdapat pihak yang menggunakan bubu naga untuk menangkap ikan dan menyekat rezeki nelayan di sini.

"Walaupun pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menjalankan operasi dan menangkap pihak yang menjalankan penangkapan secara haram itu, namun aktiviti haram itu masih ada sehingga hari ini," responsnya yang merupakan seorang nelayan dari Tok Keramat.

Menurut nelayan dari Penaga, **JAMIL SHAFIE**, 53, beliau amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang prihatin terhadap nasib nelayan di negeri ini.

"Terima kasih diucapkan atas keprihatinan serta sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada para nelayan pesisiran pantai di Kuala Muda, Telok Air Tawar dan Penaga," ujarnya yang turut mengulas mengenai isu tambakan yang sedikit-sebanyak bakal menjejaskan hasil tangkapan beliau serta rakan-rakan seperjuangan.



**EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (berbaju batik hitam) pada Majlis Penyampaian Majlis Bantuan Baucar Nelayan Pesisir Pantai Negeri Pulau Pinang 2019 Peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.**

# *East Seafront Project*, naik taraf pesisir laut berhampiran Weld Quay

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri kini giat merancang untuk memulihara dan menaik taraf kawasan di sepanjang pesisir laut di sebelah timur bahagian pulau Pulau Pinang berhampiran Weld Quay di sini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, projek dinamakan *'East Seafront Project'* akan dilaksanakan oleh *George Town Conservation and Development Corporation* (GTCDC) secara usahasama tiga pihak antara Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Think City Sdn. Bhd. (Think City) dan *Aga Khan Trust for Culture* (Aga Khan).

"GTCDC merupakan tripartite yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan projek penambahbaikan ruang-ruang awam di sekitar bandar raya George Town dan Butterworth di Seberang Perai.

"Projek ini *(East Seafront Project)* mempunyai beberapa ciri utama seperti pembangunan kawasan kebudayaan, naik taraf kawasan di Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier (SPCT), hab pengangkutan bersepadu, kawasan bagi aktiviti perniagaan, riadah dan kawasan awam sepanjang jajaran dari terminal kapal persiaran sehingga ke kawasan berhampiran jeti-jeti klan.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga mencadangkan agar diwujudkan kawasan tumpuan perniagaan baharu di Seberang Perai yang akan menghubungkan kawasan di bahagian pulau ini melalui laut," ujarnya dalam sidang media di sini 1 Ogos lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar CMI, S. Bharathi; Pengarah Program Urbanisasi Think City, Dr. Matt Benson; Pengarah Bahagian Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Rajendran dan Pengurus (BEAM), *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), Muhammad Hijas Sahari.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa pihaknya telah mengarahkan semua agensi berkaitan yang bakal terlibat dalam projek berkenaan supaya mematuhi garis panduan termaktub dalam senarai Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

"Semua agensi akan diarahkan untuk mematuhi garis panduan warisan UNESCO semasa melaksanakan projek ini supaya tidak menjejaskan status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia.

"Begitu juga dengan panduan digariskan dalam Rancangan Kawasan Khas (SAP) yang telah ditetapkan," ulasnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC), Jeffrey Chew Gim Eam menyatakan bahawa kerja-kerja menaik taraf di kawasan SPCT dijadualkan bermula pada September ini dan mengambil masa kira-kira setahun untuk siap.

"Buat masa ini, panjang terminal (SPCT) adalah 545 meter (m) dan akan diperluaskan ke arah utara dengan kepanjangan 793m.

"SPCT masih akan beroperasi seperti biasa sepanjang kerja-kerja menaik taraf dijalankan, dan kita (PPC) menjangkakan pertambahan penumpang kapal persiaran selepas ini," jelasnya.

Tambah Gim Eam, projek bagi pelebaran SPCT yang menelan kos RM155 juta itu ditanggung oleh Penang Port Sdn. Bhd. dan *Royal Caribbean Cruises Limited*.

"Pembangunan SPCT akan dibahagi secara fasa iaitu SPCT A, kira-kira 1.5 ekar keluasan masih dalam perbincangan pembangunan kerana terdapat gudang-gudang, tempat parkir dan bangunan lama.

"Bagi SPCT B pula, kira-kira 2 ekar lebih, pembangunan dijangka menelan kos RM100 juta yang dibiayai oleh syarikat swasta, juga masih dalam perbincangan.

"(Dan) SPCT C iaitu kawasan Tanjung City Marina, panggilan tender (RFP) telah dibuat dan tarikh akhir penghantaran adalah pada 11 Disember tahun ini. Kawasan ini sangat memerlukan 'bantuan' kerana banyak pontun terhanyut.

"Kesemua kawasan A, B dan C ini adalah sebahagian komponen dalam *East Seafront Project*," katanya.

Dalam pada itu, difahamkan bahawa Kerajaan Negeri akan mengadakan pertandingan cadangan reka bentuk bagi *East Seafront Project* berkaitan dan menyeru mana-mana pihak yang berminat sama ada dari dalam mahupun luar negeri untuk menyertainya.

# Isu pencerobohan pukat tunda, pukat apollo perlu diselesaikan segera

**SUNGAI ACHEH –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim mahu pihak berkuasa selesaikan segera isu kemasukan bot pukat tunda dan pukat apollo ke perairan Pulau Pinang.

Jelasnya, kemasukan dua jenis bot berkenaan telah menjejaskan hasil tangkapan nelayan-nelayan persisir pantai di negeri ini.

"Saya tidak tahu di mana silapnya, perkara ini setahu saya lebih 20 tahun tidak boleh diselesaikan lagi, saya minta penguat kuasa kena pandang serius isu ini kerana rezeki nelayan adalah amat bergantung kepada laut.

"Kadang-kadang nelayan sendiri boleh tahu bila bot-bot ini akan masuk ke sini... mungkin ada pihak (berkuasa) yang tidak selesa bila saya bangkitkan isu ini, tapi saya bawa suara nelayan," ucapnya pada Majlis Bantuan Baucar Nelayan Pesisir Pantai Negeri Pulau Pinang 2019 Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) di sini 31 Julai lalu.

Hadir sama, ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Pegawai Daerah bagi Daerah SPS, Yazman Yahya.

Seramai 462 nelayan menerima baucar bernilai RM400 bagi membeli peralatan menangkap ikan.

Mengulas lanjut mengenai perkara sama, Zulkifli memaklumkan bahawa beliau juga pernah menyuarakan hal sama ke peringkat Kementerian dan berulang kali dibangkitkan dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Ini melibatkan nelayan dan saya perlu bela, malah saya sendiri pernah 'menyamar' sebagai orang biasa telefon penguat kuasa," ujarnya.




**ZULKIFLI Ibrahim (tengah, berbaju hitam putih), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil berkaitan dan para nelayan merakam gambar kenangan pada Majlis Bantuan Baucar Nelayan Pesisir Pantai Negeri Pulau Pinang 2019 di sini baru-baru ini.**

# SPARK, inisiatif pintas berfokus aspek kekeluargaan



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) sambil ditemani Sr. Rozali Mohamud (dua dari kiri) dan wakil-wakil berkaitan menunjukkan demonstrasi aplikasi SPARK pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PADANG LALANG –** Aplikasi *Internet of Things* (IoT) dalam Sistem Amaran Paras Air Kawalan Banjir (SPARK) bukan sahaja membolehkan paras ketinggian air dikesan melalui *ultrasonic sensor*, bahkan maklumat amaran bencana turut boleh dihantar menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada para petugas Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) secara pintar.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa sistem SPARK tersebut dianggap sebagai salah satu mercu tanda MPSP dalam menjadikan Seberang Perai sebagai bandar pintar berpaksikan rakyat.

"Ia (SPARK) dapat mengelakkan pembaziran sumber daripada segi tenaga kerja dan masa kerana mereka (para petugas MPSP) tidak perlu tunggu lagi (di rumah pam) sehingga (keadaan banjir) berlaku, yang mana menerusi sistem ini ia akan memberitahu masa yang patut mereka datang untuk membuat kerja pembersihan dan sebagainya," jelasnya pada sidang media yang dijalankan di Rumah Pam dekat Taman Desa Damai dekat sini 31 Julai 2019.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud serta dua pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) lain turut sertai sidang media tersebut.

Aplikasi SPARK berkenaan juga, menurut Jagdeep, adalah selaras dengan Visi *Penang2030* yang digagaskan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, iaitu wawasan pembangunan masa depan negeri sehingga tahun 2030 yang antara lain turut memberi tumpuan kepada aspek kekeluargaan.

"(SPARK) ini bukan sahaja bentuk penjimatan sumber tenaga tetapi juga jimat daripada segi tenaga kerja kerana pekerja (bertugas) tidak perlu berada di sini, boleh berada di rumah dengan keluarga.



PEGAWAI-pegawai MPSP menunjukkan maklumat yang dikumpul.

"Itu, bermaksudnya (SPARK) ini adalah initiatif pintas berfokuskan kepada aspek kekeluargaan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Jagdeep memberitahu, sehingga kini SPARK telah dipasang di 12 lokasi rumah pam milik MPSP.

Selain SPARK, tambah Jagdeep, MPSP turut melaksanakan tujuh sistem pintar lain demi menjadikan Seberang Perai sebagai bandar pintar berpaksikan rakyat, iaitu:

- Integrasi sistem video *analytic* dan sistem kamera litar tertutup (CCTV).
- *Smart Traffic Analytics & Recognition System* (STAR) oleh *TM One Smart Services* untuk alat kawalan lampu isyarat dengan menggunakan IoT.
- Pemasangan *greenwave* di persimpangan Jalan Bukit Tambun, Jalan Bukit Minyak dan Autocity menggunakan isyarat dan frekuensi radio (RF).
- Pelantikan *Booth* sebagai penambahan perkhidmatan pembayaran melalui *e-Wallet*.
- Sistem tempat letak kereta pintar (PSP) dengan alat penggesan khusus mesra pengguna.
- *Proof of Concept* (POC) *Dell – Qlue Portal Smart City* iaitu sistem penyampaian berkesan dan cekap kepada penduduk Seberang Perai.
- *Penang Smart Bus Stop* yang dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV), *panic button*, panel solar, *wifi*, *charging pod* dan *digital advertising panel*.

## Inisiatif asrama pekerja asing tangani masalah sosial, penuhi keperluan industri

**BATU MAUNG –** Penyediaan asrama bagi menempatkan pekerja-pekerja warga asing mampu menyelamatkan skim-skim perumahan kos rendah daripada dibanjiri warga asing.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa dalam menangani masalah tersebut, sehingga kini, Kerajaan Negeri telah meluluskan enam permohonan pembinaan asrama pekerja warga asing masing-masingnya di Permatang Damar Laut, Teluk Kumbar, Juru, Bukit Minyak Permatang Tinggi dan Valdor.

"Daripada enam yang diluluskan, satu di Bukit Minyak sudah siap dengan kelengkapan 6,642 katil.

"Menerusi inisiatif ini juga, pihak-pihak berkaitan mampu menguruskan pekerja warga asing dengan lebih sempurna berbanding menempatkan 30 hingga 40 orang dalam sesebuah rumah, dan secara tidak langsung menangani masalah sosial dalam kalangan mereka.

"Pendekatan yang diguna pakai ini juga (asrama) mampu memenuhi kehendak industri dari syarikat–syarikat multinasional," ujarnya pada sesi dialog bersama-sama penduduk sekitar Batu Maung di sini 27 Julai lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung dan Jurutera Kanan Lalu Lintas dan Pengangkutan Awam bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Zainuddin Mohammad Shariff.

Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat menyatakan bahawa sebelum ini beliau banyak menerima aduan berhubung perkara berbangkit tersebut.

"Apabila menjadi Exco (perumahan), saya dapat banyak aduan tentang kebanjiran warga asing di skim-skim perumahan kita... bagi saya, ianya harus diselesaikan demi menyelamatkan skim-skim perumahan.

"Dalam satu lawatan ke Batu Maung pada tahun 2015, didapati hampir 30 hingga 40 warga asing ditempatkan dalam sebuah rumah, kita (Kerajaan Negeri) telah ambil tindakan kepada tuan rumah serta pemilik kilang juga," jelasnya.

Pada sesi dialog berkaitan, selain isu kepadatan warga asing di taman perumahan, antara lain yang turut dibangkit ialah jangkaan kesesakan lalu lintas yang akan berlaku apabila bas pekerja semakin bertambah, isu keselamatan kanak-kanak sekolah di kawasan sekitar termasuk (keselamatan) penduduk dan lain-lain.

# Bukit Mertajam bakal jadi bandar digital pertama

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Bukit Mertajam bakal ditransformasikan sebagai bandar digital pertama di Pulau Pinang menjelang Ogos 2020.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, kawasan seluas 12 kilometer (km) sehingga 18km di Bukit Mertajam bakal ditransformasikan menjadi bandar pintar di bawah *'BM Digital Initiative'*.

"Bukit Mertajam merupakan bandar yang kian membangun dengan populasi melebihi 212,300 penduduk dan banyak peralihan berlaku terutamanya dalam perniagaan serta ekonomi berasaskan industri ringan.

"(Dan) saya berasa bangga apabila Bukit Mertajam dijadikan perintis bagi pelaksanaan inisiatif digital yang diterajui oleh rakan teknologi, Smartviro Sdn. Bhd. (Smartviro)," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Chong Eng, inisiatif yang mengetengahkan konsep integrasi teknologi maklumat dan komunikasi akan mengguna pakai aplikasi pintar yang boleh dimuat turun melalui *Google Play* atau *App Store*, iaitu *Penang Reach.*




**CHONG Eng (kiri) bersama-sama Ir. Dr. Lee Aik Heng menunjukkan risalah rujukan dan aplikasi berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.**

"Melalui aplikasi pintar ini, penduduk akan dapat menikmati teknologi terkini yang bukan sahaja memantau keadaan cuaca tetapi juga keadaan trafik, tempat parkir, keselamatan, pengurusan kecekapan tenaga, pengangkutan awam dan pengurusan pelanggan.

"Saya berharap inisiatif ini akan menjadikan Bukit Mertajam sebagai perintis bandar digital di negeri ini selaras dengan visi *Penang2030: A Family-focused Green and Smart State that Inspires the Nation*," katanya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Dalam pada itu, Pengarah Smartviro, Datuk Ir. Dr. Lee Aik Heng menyatakan bahawa teknologi bandar pintar yang digunakan oleh pihaknya akan membolehkan pengguna mengakses data disimpan.

"Sehingga penghujung Julai 2019, pihak kami telah menanam sensor di lebih 40 stesen di Bukit Mertajam sehingga ke Jalan Kulim dan ia merangkumi 20 peratus daripada keseluruhan inisiatif ini.

"(Dan) bagi melengkapkannya (bagi pemasangan sensor), ia akan mengambil masa antara lapan hingga 12 bulan kerana pihak kami perlu mengintegrasikan data merangkumi sistem kedudukan global (GPS), teknologi pengecaman wajah, kamera trafik serta sebagainya," jelasnya.

Difahamkan, *'BM Digital Initiative'* melibatkan hampir 20 kawasan perumahan, antaranya Taman Kota Permai, Taman Seri Rambai, Desa Damai, Kampung Baru, Taman Pauh Jaya, Taman Guru, Taman Alma, Taman Permai Jaya, Taman Bidara, Taman Berapit, Icon City, pekan Bukit Mertajam dan pasar ikan borong dengan kos sebanyak RM500,000 yang dibiayai oleh Smartviro, sebuah syarikat pemaju yang memenangi anugerah *International Asia Pacific ICT Alliance*.

## 'Penang Sihat Di KADUN Pulau Pinang' tawar perkhidmatan kesihatan

**GEORGE TOWN –** Setiap pejabat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) diseru agar menjayakan Program Penang Sihat membabitkan kawasan masing-masing.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata bahawa melalui pelaksanaan Program Penang Sihat Di KADUN Pulau Pinang, pelbagai perkhidmatan dan penerangan berkaitan penjagaan kesihatan dapat ditawarkan kepada masyarakat setempat.



**DR. Afif Bahardin ketika memberi ucapan pada Sesi Taklimat Program Penang Sihat Di KADUN Pulau Pinang dekat sini baru-baru ini.**

"Program Penang Sihat (Di KADUN Pulau Pinang) ini bersifat lebih santai dan penyampaiannya dapat dijalankan dengan lebih berkesan kepada masyarakat.

"Misalnya, jika kita ke klinik biasa, masuk jumpa doktor hanya dalam tempoh satu atau dua minit ekoran masa yang diperuntukkan untuk seseorang pesakit adalah terhad.

"Namun, melalui Program Penang Sihat Di KADUN Pulau Pinang, pelbagai perkhidmatan dan penerangan berkaitan penjagaan kesihatan akan disediakan," ucapnya pada Sesi Taklimat Program Penang Sihat Di KADUN Pulau Pinang di sini 26 Julai lalu.

Hadir sama, Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Mohd. Amir Hashim dan wakil-wakil 40 KADUN seluruh negeri Pulau Pinang.

Tambah Afif, pendekatan tersebut umumnya mampu mencapai golongan sasar dan membantu rakyat terbanyak.

Dalam pada itu, Amir Hisham memaklumkan antara pengisian program yang dilaksanakan menerusi program berkaitan termasuk pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan pergigian, pameran/ceramah kenali ubat dan pameran kesihatan.

"Antara objektif program ini antaranya, mengesan awal risiko penyakit tidak berjangkit khasnya hipertensi dan diabetis, mengesan masalah berat badan dalam kalangan masyarakat, penjagaan kesihatan gigi dan mempromosikan gaya hidup sihat," katanya.

Difahamkan, program tersebut akan dijalankan di seluruh KADUN pada hari Sabtu dan Ahad.

Pejabat KADUN yang berminat perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Kesihatan Daerah terlibat dan peruntukan adalah melalui pejabat Exco.



# Jalan Berkembar Bukit Kukus jangka siap Julai 2020

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**PAYA TERUBONG –** Projek pembinaan Jalan Berkembar Bukit Kukus kini telah mencapai pemajuan sebanyak 78 peratus dengan jangkaan siap pada Julai 2020.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, pembangunan jalan berkembar tersebut merupakan projek terbesar yang pernah dibangunkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Majlis Bandaraya Pulau Pinang Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk kemudahan orang ramai dengan kos keseluruhan bernilai lebih RM371 juta.

Jelasnya, kos pembinaan jalan berkembar berkaitan menelan belanja sebanyak RM275,600,000, itu tidak termasuk dengan kos pengambilan tanah (RM83,509,670.50) dan khidmat perunding (RM11,000,000).

"Sejak projek ini dimulakan (2016) sehingga tahun 2018, sebanyak RM275,804,433 telah dibelanjakan oleh MBPP untuk pembinaan projek ini termasuk kos pengambilan tanah.

"Pada tahun ini, MBPP telah memperuntukkan sebanyak RM44,200,000 dan untuk tahun 2020 (RM37,355,000) untuk pembinaan Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong ini," ujarnya sambil memaklumkan bahawa kos projek berkenaan menelan hampir 40 peratus daripada kos perbelanjaan MBPP pada sidang media di tapak dekat sini 7 Ogos lalu.



JAGDEEP Singh Deo (empat dari kanan), Zairil Khir Johari (dua dari kanan) dan pihak-pihak berkaitan pada sesi lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar MBPP); Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali (Setiausaha Bandaraya MBPP); Ir. P.A. Rajendran (Pengarah Kejuruteraan MBPP) dan wakil-wakil pemaju serta pihak kontraktor dilantik.

Menurut Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, projek yang telah bermula pada 14 Januari 2016 tersebut walau bagaimanapun berhadapan sedikit kelewatan berbanding jadual asal sebanyak 86 peratus ekoran perintah berhenti kerja yang dikeluarkan ketika kejadian tanah runtuh pada 19 Oktober 2018.

"Perintah (berhenti kerja) ini telah dibatalkan pada 28 Februari lalu setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Pulau Pinang (DOSH)," jelasnya.

Difahamkan, kerja-kerja yang sedang giat dijalankan di tapak adalah membabitkan kerja-kerja struktur bertingkat bagi jalan sambungan Jalan Tun Sardon iaitu penyediaan *form traveler* untuk kerja-kerja konkrit *segmental box girder*, kerja-kerja geoteknikal seperti peletupan batu terkawal, pemotongan cerun, penstabilan cerun dengan kaedah *soil nailing* dan *guniting* serta kerja-kerja pembinaan sistem perparitan.

Manakala bagi bahagian jajaran utama jalan berkembar, pembinaan struktur jalan bertingkat dan *berm* sedang berlangsung.

Mengulas lanjut, Zairil memaklumkan bahawa terdapat dua segmen lain yang akan dibina oleh pemaju PLB Land Sdn. Bhd. (PLB) dan Geo Valley Sdn. Bhd (Geo Valley) iaitu sepanjang 2.2km (kilometer) bagi menghubungkan Jalan Bukit Kukus sedia ada dengan Lebuh Bukit Jambul yang menjadikan panjang keseluruhan sebanyak 5km dan Tun Sardon Link (500 meter).

"Seperti yang saya maklumkan sebelum ini bahawa segmen oleh Geo Valley (800 meter, m) menghadapi kelewatan disebabkan masalah kewangan, walau bagaimanapun perkara tersebut telah dapat diatasi apabila baru-baru ini mereka (Geo Valley) telah menandatangani perjanjian bersama *Aspen Group* (Aspen) bagi mengambil alih pembangunan berkenaan.

"Kerajaan Negeri difahamkan bahawa pihak Aspen akan memulakan kerja pembinaan menjelang akhir tahun ini dan ia akan mengambil masa dua tahun untuk disiapkan iaitu jangkaan dibuka pada awal tahun 2022.

"Bagi segmen PLB sepanjang 1400m pula… mereka kini bergantung kepada aliran kewangan, Kerajaan Negeri akan melakukan perbincangan kembali mengenainya dengan pihak berkaitan.

"Justeru, sebagai jalan penghubung untuk ke lebuh raya berkenaan, kita akan bina laluan baharu supaya ia dapat digunakan walaupun dua bahagian lain projek itu belum selesai," ulas beliau.

## Pinjaman perumahan ditolak bank, perbincangan dengan BNM diteruskan

**GEORGE TOWN -** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa buat masa ini, pihaknya tiada hasrat merancang penubuhan bank pembangunan negeri untuk memperluas pinjaman perumahan tanpa faedah ala Skim Sewa Beli serta bagi tujuan membiayai projek-projek perumahan awam milik Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa beliau yakin pihaknya boleh terus berunding dengan Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai cadangan melonggarkan lagi syarat kelayakan pemohon pinjaman perumahan bank, memandangkan Pakatan Harapan telah menguasai Kerajaan Persekutuan sejak Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lepas.

"Saya fikir memandangkan Kerajaan Persekutuan telah berubah, itu adalah jawapan kepada rakan saya (wartawan), tak perlu kerana kita (Pakatan Harapan) adalah 'satu keluarga', kalau dahulu (sebelum PRU14) mungkin.

"Sekarang, kita (Kerajaan Negeri) akan meneruskan perbincangan dengan BNM untuk melihat beberapa isu berbangkit," jelasnya kepada pemberita selepas meninjau Tapak Projek Pembaikan 64 Unit Dua Barisan Terakhir Taman Seri Desa dekat Tasek Gelugor di sini pada 6 Ogos 2019.

Jagdeep menyatakan bahawa perbincangan dengan Bank Pusat mengenai cadangan melonggarkan lagi syarat kelayakan pemohon pinjaman perumahan oleh pihak bank memang memakan masa.

Oleh sebab itu, menurut beliau, Kerajaan Negeri mengambil sikap proaktif dengan memperluaskan Skim Sewa Beli *(Rent-To-Own Scheme)* bagi 64 unit yang dijangka siap lebih awal, pada bulan Oktober ini.

"Kalau kita (Kerajaan Negeri) nak tunggu (ketetapan BNM itu) mungkin mengambil masa, maka kita melihat kepada kaedah-kaedah lain (seperti Skim Sewa Beli)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam perkara berkaitan, Jagdeep sekali lagi mengulangi kenyataan bahawa rakyat Pulau Pinang sehingga kini menghadapi masalah kadar pemohon pinjaman perumahan yang ditolak oleh bank begitu tinggi, mencecah 70 peratus.

"Apabila kita (Pulau Pinang) bina rumah-rumah seperti ini untuk mereka yang sudah (memiliki rumah pertama sendiri), mereka tidak dapat pinjaman daripada bank.

"Sehingga hari ini, saya dimaklumkan oleh pemaju-pemaju, sama ada pemaju swasta mahupun PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang), bahawa itu adalah cabaran paling utama sekarang kerana suatu (angka) peratusan (pemohon) yang begitu besar tidak dapat pinjaman bank.

"Hampir 70 peratus, kalau 10 orang pergi ke bank setelah kita (Bahagian Perumahan Negeri) buat tawaran (rumah untuk dibeli), kita dimaklumkan tujuh tidak boleh dapat pinjaman," katanya sambil berharap BNM melonggarkan syarat layak pinjaman perumahan oleh bank.

Sebelum itu, Jagdeep menjelaskan 64 unit baki projek pemajuan di Taman Seri Desa pernah tertangguh sebelum ini, disebabkan terlibat dalam pelan asal pemajuan projek landasan keretapi di sini.

Selepas berbincang panjang dengan pihak Kerajaan Persekutuan, beliau berkata bahawa projek pembaikan ditawarkan kepada syarikat Transbizz Network (M) Sdn. Bhd. melalui tender terbuka.

Tambah beliau, kerja-kerja pemajuan bermula pada 12 Disember 2018 dan dijadualkan siap sepenuhnya pada 12 November tahun ini, dengan kos pembaikan sebanyak RM2,091,980.

"64 unit di Taman Seri Desa ini akan dijadikan unit sewa beli, yang mana nilaian akan bermula RM42,000 dan unit-unit tepi akan berharga lebih tinggi sedikit berpandukan kepada nilai tanah masing-masing.



RAKAMAN dari ruang udara tapak projek Taman Seri Desa di sini.

"Pembayaran sewa beli bagi 64 unit adalah sebanyak RM250 sebulan dalam tempoh bayaran selama 14 tahun," jelasnya sambil memberitahu bahawa sehingga kini Kerajaan Negeri memperkenalkan 1,037 unit kediaman melalui Skim Sewa Beli.

Daripada 973 unit kediaman yang diperkenalkan melalui Skim Sewa Beli, 587 unit bagi projek *K-Park* dekat Daerah Barat Daya; Permatang Tok Subuh, Daerah Seberang Perai Tengah (231) dan Taman Seruling Emas (51) dan Taman Sungai Duri Permai, Daerah Seberang Perai Selatan (104).

# PEKA anjur program pemberdayaan anak muda

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **PEKA**




**JOSHUA Woo Sze Zeng (tengah, berbaju putih), wakil-wakil sekolah, jawatankuasa penganjur, pihak-pihak berkaitan dan para pelajar bergambar kenangan sejurus penganjuran Bengkel Berdaya Anak Muda anjuran PEKA di sini baru-baru ini.**

**JAWI –** Penggerak Komuniti Muda (PEKA) tekad meneruskan penganjuran program-program bersifat pemberdayaan dan pemerkasaan khasnya kepada anak-anak muda dalam membangunkan generasi masa hadapan yang mampu bersaing dan mempunyai kapasiti kepimpinan tinggi.

Pengarah Eksekutif PEKA, Joshua Woo Sze Zeng berkata, realiti masa kini menunjukkan golongan muda agak sukar merebut peluang yang ada sama ada dari segi pekerjaan mahupun peniagaan.

Oleh itu, beliau bersama-sama ahli PEKA mengambil inisiatif menganjurkan bengkel bertujuan membantu golongan muda khasnya mereka yang masih di bangku sekolah untuk merancang hala tuju masa hadapan.

"Buat julung kali, PEKA menganjurkan Bengkel Berdaya Anak Muda untuk pelajar sekolah yang bakal menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi membantu mereka merancang masa hadapan selepas ini.

"Inisiatif ini adalah sebahagian visi PEKA yang mahu membangun dan memberdayakan anak-anak muda di Pulau Pinang bukan sahaja untuk masa hadapan negara malah juga menjadi harapan komuniti setempat serta keluarga," ucapnya pada penganjuran bengkel berkaitan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Syeikh Abdullah Fahim dekat Permatang Tok Mahat dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Guru Kanan Kemanusiaan SMKA Syeikh Abdullah Fahim, Ustaz Azrolhadi Khamis selaku tuan rumah bengkel berkaitan.

Mengulas lanjut, Sze Zeng menyatakan bahawa generasi masa kini mempunyai tanggungjawab dalam membangunkan negara.

"Kita perlu penuhi tanggungjawab kita dan tidak boleh lari daripada tanggungjawab tersebut.

"Kita juga tidak boleh membazirkan masa, bakat dan kapasiti yang dikurniakan kepada kita, tambahan pula dengan keadaan ekonomi serta pasaran kerja yang tidak menentu kini," serunya.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memerlukan penglibatan semua termasuk pihak sekolah, Kerajaan Pusat, *Penang Skills Development Center* (PSDC), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara dan Jabatan Pendidikan Negeri serta institusi berkaitan untuk terus membimbing anak muda mengharungi masa hadapan.

Dalam majlis sama, Sze Zeng turut berkongsi pengalaman beliau bertemu dengan graduan bidang kritikal yang masih terumbang-ambing mencari kerja meskipun setelah tamat pengajian di peringkat ijazah sarjana muda.

Kira-kira 150 pelajar SMKA Syeikh Abdullah Fahim, Madrasah Irsyad Asyraf Wataniah dan Sekolah Menengah (SM) Islam Ad-Diniah mengambil bahagian dalam bengkel yang dianjurkan PEKA di sini pada 1 Ogos lalu.



**ANTARA pelajar yang mengambil bahagian.**

# Bijak pilih premis makanan bersih dan selamat

**SEBERANG JAYA –** Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dr. Asmayani Khalib berkata bahawa sikap pengguna memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan makanan.

Ulasnya, pengguna perlu bijak memilih premis yang bersih dan selamat bagi menjamin keselamatan makanan dimakan.

"Seringkali pengguna lalai dalam pemilihan premis dengan hanya mementingkan kelazatan semata-mata tanpa memikirkan aspek-aspek keselamatan makanan.

"Sehubungan itu, pengetahuan mengenai keselamatan makanan perlu disematkan dalam diri dan pemikiran serta diamalkan oleh semua pihak sama ada pengeluar, pengendali makanan mahupun pengguna sendiri.

"Pendedahan awal kepada budaya keselamatan makanan seperti amalan mencuci tangan sebelum makan sebenarnya perlu dilaksanakan seawal mungkin," ucap beliau mewakili Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada penganjuran Karnival Pensijilan Keselamatan Makanan Peringkat Pulau Pinang di sini 25 Julai lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan), Ku Nafizah Ku Ariffin; Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang, Habibah Sulaiman; wakil Pengarah Jabatan Pertanian Pulau Pinang, Mohd. Radzi Ali serta wakil Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Faizal Ibrahim.

Difahamkan, karnival bertemakan 'Makanan Selamat Pemangkin Ekonomi Negara' itu adalah anjuran kali kelapan di negeri ini dengan kerjasama empat agensi utama iaitu Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pertanian Pulau Pinang, FAMA dan JHEAIPP.

Mengulas lanjut mengenai program tersebut, Asmayani menjelaskan bahawa penganjuran karnival berkenaan adalah platform untuk menyalurkan informasi bagi memberi kesedaran, pengetahuan serta kefahaman berkaitan keselamatan serta kualiti makanan khususnya kepada Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS).

"Justeru, diharapkan karnival ini dapat memberi motivasi kepada pengusaha-pengusaha terutamanya IKS untuk memohon pensijilan yang diperkenalkan oleh penganjur seperti HACCP *(Hazard Analysis & Critical Control Point)*, GMP *(Good Manufacturing Practice)*, MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri) dan Halal," serunya.



# Komited bantu kukuhkan industri nanoteknologi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **PENGANJUR**

**GEORGE TOWN –** Industri nanoteknologi dijangka menjadi antara bidang yang perlu diberi perhatian terutama dalam memajukan ekonomi negara yang kian kompetitif.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai berkata bahawa sejajar dengan perkembangan semasa itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia memberi komitmen dalam membantu memperkukuhkan pembangunan industri nanoteknologi di negeri ini.

"Tambahan pula, Pulau Pinang kini digelar *'Silicon Valley of the East'* kerana pembangunan teknologi serta industri yang berkembang pesat di sini.

"Kawasan di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas menawarkan peluang keemasan kepada syarikat nanoteknologi dalam membangunkan produk yang akan memberi manfaat bukan sahaja kepada syarikat berkenaan tetapi juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"(Dan) pada masa sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga giat dalam pembangunan minda muda berteraskan inisiatif STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik), pembangunan *Penang Science Cluster, Tech Dome Penang* dan Perpustakaan Digital Pulau Pinang.

"Semua inisiatif ini adalah untuk membimbing para belia yang akan menjadi perintis dan pemimpin negara pada masa hadapan menceburi bidang pembangunan teknologi," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Ketua Menteri Pulau Pinang dalam perasmian Persidangan Antarabangsa Institut Jurutera Elektrik dan Elektronik (IEEE) Mengenai Sensor dan Nanoteknolgi 2019 di sini 24 Julai lalu.

Turut berucap, Pengerusi Persidangan, Assoc. Prof. Ir. Dr. Mohd. Khairuddin Md. Arshad.

Difahamkan, persidangan dua hari itu merupakan anjuran IEEE Malaysia Section Sensors and Nanotechnology Joint Councils Chapter dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Mikroelektronik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Institut Kejuruteraan Nano Elektronik dan Pusat Kecemerlangan Sensor Teknologi Termaju.

Persidangan yang menghimpunkan para penyelidik dan ahli akademik terdiri daripada latar belakang industri sensor dan nanoteknologi dari 25 negara seluruh dunia tersebut turut mengadakan pembentangan 70 kertas kerja teknikal.

Tujuan persidangan berkaitan adalah bagi memastikan industri nanoteknologi terus kekal dinamik dan lebih berstrategi dalam mendepani industri global.




**WONG Hon Wai (barisan pertama, tengah) bergambar bersama-sama para jemputan, wakil-wakil penganjur dan barisan peserta Persidangan Antarabangsa IEEE Mengenai Sensor dan Nanoteknolgi 2019 di sini baru-baru ini.**

## MAKLUMAN PEMBAYARAN SECARA PINDAHAN WANG/ EFT BAGI PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran bagi semua penerima terlibat telah selesai dilaksanakan pada 3 Jun 2019 melalui kaedah pindahan wang elektronik/ *Electronic Funds Transfer* (EFT). Sila ambil maklum bahawa pembayaran ini hanya melibatkan para penerima di bawah daerah Seberang Perai Tengah yang telah memilih untuk menerima sumbangan melalui kaedah EFT (belum membuat tuntutan).

Untuk semakan status bayaran anda, sila layari laman web i-Sejahtera di *www.isejahtera.penang.gov.my* dengan memasukkan nombor kad pengenalan anda di ruangan yang disediakan.

Bagi penerima berstatus EFT tidak berjaya, sila kemaskini semula maklumat akaun anda dengan segera. Sekiranya tiada kemaskini dilakukan, pembayaran akan dilakukan melalui kaedah tunai pada fasa berikutnya (dalam tahun semasa). Daripada keseluruhan 1,780 orang penerima EFT, sebanyak 32 pembayaran direkodkan sebagai tidak berjaya.

**SEMAKAN STATUS PEMBAYARAN BAGI PROGRAM i-SEJAHTERA**

Pautan URL : https://isejahtera.penang.gov.my






# BPF serlah Balik Pulau sebagai produk pelancongan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (tengah) merakam gambar kenangan dengan beberapa kanak-kanak dari Flat Lily dengan berlatarbelakangkan mural ikan laga bersempena penganjuran BPF 2019 di sini baru-baru ini.

**PULAU BETONG** – Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berhasrat memasukkan Festival Balik Pulau (BPF) sebagai salah satu pengisian dalam kalendar Tahun Melawat Malaysia 2020.

Jelasnya, penganjuran festival berkenaan mampu menyerlahkan kawasan Balik Pulau sebagai salah satu produk pelancongan di negeri dan negara ini.

"Kita (Kementerian) bercadang untuk memasukkan BPF ke dalam kalendar Tahun Melawat Malaysia 2020 kerana kita menerima kira-kira 15,000 pengunjung sepanjang program berlangsung selama tiga hari iaitu pada 19 hingga 21 Julai lalu.

"Selama ini, orang hanya kenal Tanjong sahaja, Balik Pulau ini seperti permata tersembunyi.

"Justeru, sudah tiba masanya untuk kita serlahkan potensi Balik Pulau kepada masyarakat luar sebagai salah satu produk pelancongan negeri," ujar beliau pada Majlis Perasmian Penutupan BPF 2019 di sini 21 Julai lalu.

Majlis penutup disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Mazidah Mustapha.

Mengulas lanjut, Muhammad Bakhtiar memberitahu bahawa penganjuran festival berkenaan akan diteruskan sebagai acara tahunan dalam memupuk rasa cinta, menghargai kesenian serta budaya khususnya dalam kalangan bagi generasi muda.

"TYT (Abdul Rahman) juga ada menyuarakan pendapat meminta supaya pada masa akan datang, festival ini diadakan pada musim durian kerana di sini (Balik Pulau) terkenal dengan durian," jelas Ahli Parlimen Balik Pulau berkaitan.

Dalam pada itu, Soon Hin ketika berucap menzahirkan keyakinan bahawa penganjuran BPF juga setanding dengan acara-acara tahunan lain di Pulau Pinang seperti *George Town Festival, George Town Literary Festival*, *Penang Bridge International Marathon* dan lain-lain pada masa akan datang.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Bakhtiar turut memaklumkan bahawa empat projek rumah kos rendah di Balik Pulau kini dihiasi mural yang mencerminkan identiti kawasan tersebut.

Menurutnya, antara tema diangkat melalui projek tersebut termasuk buah-buahan terkenal Balik Pulau, memori menangkap ikan laga, peniaga roti yang menjalankan perniagaan selama 30 tahun, burung bangau dan lain-lain.

"Projek ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan Balai Seni Lukis Negara.

"Tiga daripada enam artis terlibat adalah merupakan anak jati Balik Pulau.

"Ini contoh bagaimana seni berjaya memainkan peranan dalam membangunkan masyarakat dengan menambah nilai murni yang baik dan memupuk keharmonian sesama kaum serta kecintaan kepada negara," kata beliau.



**PENJUAL roti, L. Muniandy (kanan), yang mana potret beliau diabadikan di salah satu dinding bangunan dekat pekan Balik Pulau.**



**BURUNG bangau yang dapat dilihat di sekitar Balik Pulau terutamanya kawasan paya bakau dan sawah bendang turut diabadikan sebagai mural.**



**PRODUK terkenal Balik Pulau... lukisan durian sebagai mural di salah satu bangunan.**

# Usahawan luar bandar penyumbang pembangunan ekonomi negara

Gambar : **NUR AMIRAH HUSNA ROSLAN**



DR. Afif Bahardin mencuba bakat menjahit di salah satu premis pada penganjuran Program Jelajah Desa DTL di sini baru-baru ini.

**PENEKANAN** terhadap aspek pembangunan modal insan seperti mana yang termaktub dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) 2030 dilihat mampu merapatkan jurang ekonomi masyarakat luar bandar.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, DPLB 2030 yang dilancarkan pada Jun lalu oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) adalah berteraskan kepada tiga prinsip utama.

"Jurang ekonomi masyarakat bandar dan luar bandar hari ini dipercayai masih lagi besar, yang mana masalah ini dihadapi oleh pelbagai pihak di negara ini.

"Justeru, adalah menjadi tugas kerajaan hari ini untuk membantu melahirkan usahawan dan juga meningkatkan pendapatan rakyat melalui kemahiran, penyediaan bantuan, peralatan serta lain-lain inisiatif berkaitan.

"Jangan kita beranggapan bahawa mereka yang tinggal di kampung tidak mampu menjana pendapatan tinggi, sebaliknya golongan ini yang menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara," ucapnya pada Program Jelajah Desa Daerah Timur Laut (DTL) baru-baru ini.

Turut mengiringi penganjuran tersebut adalah Ketua Penolong Pegawai Daerah bagi DTL, Nurshamshinaz Shamsuddin dan Pengarah GIATMARA Bukit Bendera, Mohamad Fakarudin Md. Farok membabitkan tujuh lokasi terpilih yang mana terdiri daripada penerima bantuan Kerajaan Negeri serta pusat-pusat seliaan KPLB.

Mengulas lanjut, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya menggesa komuniti setempat supaya lebih cakna terhadap golongan yang memerlukan.

"Kalau kita tahu ada jiran yang mungkin anaknya keciciran dalam pelajaran, boleh syorkan kepada beliau untuk masuk kursus kemahiran di GIATMARA, masyarakat sekarang perlu lebih proaktif dalam isu sebegini.

"Saya rasa pihak masjid juga boleh kerjasama dengan GIATMARA untuk anak-anak kariah dapatkan kursus di sana," cadang beliau semasa singgah di lokasi terakhir dekat Masjid Jamek Sungai Gelugor.

Program jelajah berkaitan bermula di GIATMARA Tanjung Bungah diikuti Maahad Tahfiz Al-Quran Kasyfu al-Ulum, premis pastri dan kek Kampung Melayu (usahawan GIATMARA) dan lawatan ke Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Jelutong yang menyediakan tadika serta kelas jahitan.

Seterusnya, Afif singgah di kafe Semanis Honey Bakery yang menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri, sebelum ke Masjid Jamek Sungai Gelugor yang turut menyediakan kenduri rakyat.

Seorang pengusaha kedai kek di Kampung Melayu, **ZURAINI ZAINOL**, 34, semasa ditemui Buletin Mutiara memberitahu bahawa beliau kini dalam proses memohon dana daripada Kerajaan Negeri untuk mengubah suai premis miliknya.

"Ini kerana, KKM (Kementerian Kesihatan) datang dan nasihatkan beberapa pengubahsuaian perlu dilakukan dalam memenuhi standard mereka, jadi kalau Kerajaan Negeri dapat bantu, baguslah," ujarnya yang berniaga di Lebuh Carnavon sebelum ini.

Difahamkan Zuraini sebelum ini turut menerima bantuan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk mengembangkan perniagaan pembuatan kek hiasan.

Di Desa Restu, Universiti Sains Malaysia (USM) yang mana rombongan jelajah desa mengadakan lawatan khas ke sebuah bakeri diusahakan **NOR FARHANI MD. KAMAL** bersama-sama ibunya, **SALAMATHNATCHIA HABIB MOHAMED**.

Menurut Nor Farhani, bantuan yang diterima daripada Kerajaan Negeri melalui pejabat daerah sangat membantu dalam perniagaannya kini.



NOR Farhani Md. Kamal.

"Bantuan yang kami terima sangat membantu dan memberi dorongan lagi kepada saya untuk memajukan perniagaan kami.

"Untuk keseluruhan proses permohonan memakan masa kira-kira hampir setahun, namun bersyukur kerana ianya diluluskan.

"Kepada anak muda yang berminat dalam keusahawanan ini, saya syorkan mereka untuk terus belajar, sebelum memberanikan diri melangkah ke dalam bidang keusahawanan yang mencabar ini," ulasnya ketika ditemui di premis beliau Semanis Honey Bakery.

Dalam pada itu, Afif turut meninjau kerja-kerja pendawaian elektrik dan penggera asap yang dipasang pihak MARA di Maahad Tahfiz Al-Quran Kasyfu al-Ulum sebelum mengunjungi KEMAS Jelutong yang dikatakan sudah berusia 80 tahun.

Selain menyaksikan kelas jahitan, Afif turut menerima permohonan bagi menyalurkan dana untuk menukar karpet baharu yang mana sebelum ini pihak pengurusan hanya menggunakan karpet terpakai.



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang menuntut di Tabika KEMAS Jelutong.



SUASANA di Maahad Tahfiz Al-Quran Kasyfu al-Ulum.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




7hb - 8hb September 2019
***Penang E-Sports Festival***

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:
**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# GTF Ke-10 tampil kelainan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD, LAW SUUN TING & GTF**

**GEORGE TOWN –** Festival George Town (GTF) Edisi Ke-10 melabuhkan tirai setelah 16 hari berlangsung dengan penuh gilang-gemilang dan ekstravaganza.

Terkenal sebagai salah satu acara kesenian dan kebudayaan tersohor di Asia, GTF kali ini berjaya mengumpulkan lebih 500 penggiat seni dari 20 negara, sekaligus menjadikan ia sebagai platform untuk artis tempatan serta antarabangsa berkumpul.

Membawa tema 'Festival Untuk Semua', pengunjung yang hadir ke festival tersebut pastinya menemui kepuasan artistik dengan lebih 150 persembahan disajikan antaranya tarian, teater, forum, fesyen, muzik, filem, komedi dan simposium.

Malah, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow turut menyifatkan bahawa penganjuran festival tersebut adalah selaras dengan salah satu komponen penting dalam Visi Penang2030 iaitu pembangunan keluarga.

"Selain daripada pendekatan *'people centric'*, pembangunan keluarga juga menjadi keutamaan bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan melalui aktiviti kesenian serta kebudayaan ada persamaan serta elemen penyatuan yang boleh dikongsi bersama ahli keluarga, kawan-kawan serta orang tersayang.

"Sejajar dengan Visi *Penang2030: A Family-focused Green and Smart State to Inspires the Nation*, Kerajaan Negeri akan terus memberi inspirasi kepada rakyat untuk sama-sama bergerak ke arah matlamat yang sama," ujarnya pada Majlis Perasmian GTF Ke-10 di Padang Kota Lama dekat sini 13 Julai lalu.

Malam perasmian turut dimeriahkan dengan persembahan artistik *'When Night Falls'* yang mana bangunan Dewan Bandaraya berusia 140 tahun di Esplanade dijadikan kanvas yang diterangi dengan limpahan dan projeksi sinaran lampu tiga dimensi.

Di kawasan enklaf warisan pula, rumah-rumah klan yang bersejarah, rumah-rumah kedai, lorong belakang dan kaki lima turut meriah dengan pelbagai aktiviti artistik dijalankan serentak dalam acara *'Art in the City'*.

Antara yang mencuri tumpuan adalah persembahan *'Garden Gig'*, *'Tiny Touts'*, *'Puppet Stage'*, *'Malaysia Inside Out'*, *'Dance @74'*, *'Party Lorong'* dan *'Rojak Penang 3'*.

Pemegang *Malaysia Book of Records* yang juga seorang kartunis tempatan, Azmi Hussin turut berkolaborasi dalam GTF kali ini bagi penganjuran salah satu slot menarik yang membolehkan bukan sahaja kanak-kanak malah juga orang dewasa menunjukkan sisi kebolehan mewarna mereka.

Di peringkat komuniti, Macam Macam Macallum dan Macam Macam Berapit turut mendapat sambutan menggalakkan terutamanya daripada kalangan penggemar seni persembahan baru.

Meskipun julung kali diadakan, komuniti di sekitar *Macallum Street Ghaut* dan Berapit ternyata teruja dan berharap ia dijadikan acara tahunan acapkali penganjuran GTF diadakan.

Finale GTF, *'The Extravaganza'* diadakan di Lebuh Pantai pada 28 Julai 2019 dengan kehadiran lebih 2,000 pengunjung bagi menyaksikan persembahan bercirikan global daripada 120 artis melibatkan 10 negara.

Menariknya, pengunjung yang hadir seawal jam 5 petang tidak berganjak untuk merasai pengalaman seni kontemporari yang diaduk dengan persembahan kebudayaan tradisional.

Persembahan tradisional India *'Mallakhamb'* yang mendebarkan dengan aksi akrobatik menggunakan kayu dan tali menegak memukau pengunjung di lokasi.




KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Pelancaran GTF Ke-10 di sini baru-baru ini.



PERSEMBAHAN patung tradisional masyarakat Cina di Berapit.



TARIAN warna-warni pada malam pelancaran.



# Atlet Pendidikan Khas cemerlang, buru lebih banyak kemenangan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**



**MOHD. Nazri Hussein (kiri sekali) bergambar bersama-sama anak didik beliau pada sesi latihan baru-baru ini.**

**PRESTASI** cemerlang ditunjukkan beberapa atlet dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK) Tanjung Bungah pada kejohanan Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA) 2018 melayakkan mereka menerima insentif di bawah Skim Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) berjumlah RM49,500.

Justeru, Buletin Mutiara berpeluang menemuramah jurulatih, **MOHD. NAZRI HUSEEIN** dan **SURIANA MAT DAUD** merangkap jurulatih skuad olahraga SMPK.

Menurut Mohd. Nazri, sebanyak 17 pingat berjaya dirangkul pada kejohanan tersebut yang mana empat daripadanya adalah pingat emas, perak (7) dan gangsa (6).

"Pingat-pingat ini kita peroleh melalui acara balapan (trek), lompat kijang, lempar cakera, rejam lembing dan beberapa lagi acara lain," ujarnya.

Mengulas lanjut, Mohd. Nazri berkata bahawa latihan untuk meningkatkan prestasi atlet orang kurang upaya (OKU) adalah berbeza dan tidak semudah melatih atlet biasa.

"Dari segi latihan memang *non stop*, tujuh hari seminggu saya latih mereka untuk memantapkan prestasi, hari biasa sebelah petang, kalau Sabtu dan Ahad pagi dan petang.

"Latihan berterusan ini bertujuan mengekalkan stamina dan momentum mereka apabila bertanding dalam acara sukan yang diceburi.

"Melatih atlet istimewa seperti ini memang mencabar, tidak seperti atlet biasa kerana mereka ini ada kalanya sedikit beremosi… satu lagi mereka mahu *coach* selalu ada bila berlatih jika tidak mereka akan berhenti dan tidak berlatih seperti yang diarahkan," jelasnya yang sudah 17 tahun berkhidmat di SMPK.

Tambah Mohd. Nazri, sebagai usaha untuk memberikan dorongan kepada atlet-atletnya, beliau turut menawarkan mereka dengan 'habuan' menarik sekiranya berjaya dalam sesuatu kejohanan.

"Contohnya, saya cakap kalau menang pertandingan sekian-sekian, saya akan hadiahkan dengan pakaian atau kasut sukan baharu, jadi dari situ mereka akan lebih bersemangat.

"Paling biasa pun mungkin bawa mereka (atlet-atlet) berjalan-jalan atau lawatan ke mana-mana, asalkan kita kotakan janji, mereka pun seronok untuk beraksi dengan lebih baik pada masa-masa akan datang," katanya.



**NURUL Husna Mohd. Jamal.**

Menurut beliau, **NURUL HUSNA MOHD. JAMAL**, 14, antara atlet muda yang berpotensi meraih pingat pada masa akan datang.

"Pada kejohanan kali ini, beliau memenangi satu emas melalui acara 400 meter (m) dan dua perak bagi acara 800 dan 1,500 meter.

"Boleh nampak potensi dia, sebenarnya dia cuma tewas sedikit sahaja kepada peserta yang berumur 18 tahun, lagipun ini adalah kejohanan pertama Nurul Husna ditambah pula oleh faktor ketinggian yang jadi pemisah, tetapi daripada segi kekuatan, saya nampak ia menyebelahi anak didik saya (Nurul Husna)," ujarnya.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Nurul Husna yang merupakan penerima SKIMAS tertinggi iaitu berjumlah RM10,800 menyatakan bahawa beliau memang amat meminati bidang sukan yang diceburinya.

"Saya akan simpan insentif ini untuk sambung pelajaran pada masa akan datang," jelasnya dengan menggunakan bahasa isyarat yang diterjemahkan Mohd. Nazri.

Seorang lagi atlet, **MUHAMMAD IRSYAD SAIZUL** tampil cemerlang dengan lompatan emas sejauh 12.84 meter dalam acara lompat kijang pada kejohanan sama.

Pelajar tingkatan lima, Muhammad Irsyad juga dikatakan mampu menyaingi atlet normal ketika beliau bersaing dalam kejohanan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM).

"(Muhammad) Irsyad berjaya memecah rekod kejohanan baru-baru ini dengan lompatan tersebut… dan kini beliau menerima tawaran dalam satu Kejohanan Sukan Orang Pekak Asia Pasifik di Hong Kong yang dijadualkan pada 1 hingga 11 November nanti," maklum Mohd. Nazri.

Ditanya mengenai perancangan masa hadapan, Muhammad Irsyad memberitahu bahawa beliau sememangnya berminat untuk menjadi atlet serta bertanding di kejohanan-kejohanan antarabangsa.

"Niat dan cita-cita itu memang ada untuk jadi atlet sepenuh masa, kalau boleh nak sambung belajar juga (di universiti). Keluarga pun memang beri sokongan penuh kepada saya sekiranya mahu aktif dalam bidang sukan," katanya yang berasal dari Kelantan.

Turut mencuri tumpuan pada kejohanan tersebut ialah **NOR AIN NAZIFAH SHAEDON** yang kini melanjutkan pelajaran di tingkatan enam.

Beliau berjaya memenangi pingat emas bagi acara lempar cakera dan pingat perak bagi merejam lembing.

"Saya berminat untuk pergi lebih jauh dalam bidang sukan ini, dan pada masa sama, saya juga berminat untuk meneruskan pelajaran ke universiti.

"Kalau boleh, saya mahu jadi guru dan mendidik anak-anak istimewa ini untuk lebih berjaya dalam akademik serta sukan," ujarnya yang turut boleh bersaing dalam acara balapan.

Menutup bicara, Mohd. Nazri menyatakan bahawa selain Muhammad Irsyad, Nurul Husna juga mendapat tawaran untuk bertanding pada kejohanan sama.

"Saya setakat ini memang terima dahulu, tetapi perbincangan lanjut perlu dijalankan memandangkan tarikh tersebut bertembung dengan peperiksaan.

"Jadi, perkara ini perlu diperhalusi betul-betul kerana setiap keputusan yang dibuat adalah penting demi masa depan mereka berdua," jelasnya yang turut mahukan anak-anak didiknya berjaya dalam bidang pelajaran.



**MUHAMMAD Irsyad Saizul (berbaju jingga) pada sesi latihan bersama-sama rakan sepasukan.**

# Kerja berpasukan erat ikatan kekeluargaan

**"MAK** yang melakukan sebahagian besar kerja di rumah," jawab Osman yang berusia lima tahun. Begitu pandangannya terhadap pembahagian kerja di rumahnya. Ibunya, Puan Alya, yang duduk di sebelahnya terus menyentuh kepala Osman, tanda sayang.

Pasukan Osman-Alya adalah salah satu daripada 17 pasukan ibu dan anak yang menyertai acara yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) pada Julai 2019. Baru dua jam yang lalu, Osman telah menikmati acara membancuh susu bercoklat dengan Puan Alya, yang juga menyediakan sepiring buah-buahan dan sandwich telur dalam acara cabaran penyediaan minum petang. Acara ini kebetulannya dikenali sebagai: 'Mama Makes, Papa Bakes, I Shake' secara bergurauan.



PIHAK penganjur merakam gambar kenangan dengan para peserta selepas penganjuran program berkaitan di sini baru-baru ini.

### Merapatkan hubungan kekeluargaan melalui kerja berpasukan

Dalam cabaran itu, Osman menyedari bahawa untuk menyediakan makanan harian bukanlah satu tugas yang mudah. Sekurang-kurangnya tidak semudah dilihat ibunya yang membuat kerja-kerja tersebut setiap hari. Mengisi nisbah coklat dan susu yang betul memerlukan fokus yang cukup teliti. Menghidupkan pengisar menjadi kesulitan jikalau tidak mengetahui cara menekankan suis dengan betul. Osman berasa menjadi kebuntuan dan menggelabah menghidupkan pengisar. Wajah Osman kelihatan resah dan kecewa ketika cuba membancuh minuman susu bercoklat, yang selama ini disediakan oleh ibunya. Keraguan dan ketidakupayaan yang dihadapi Osman menyebabkan ibunya Alya, terdorong untuk memberi pengajaran kepada Osman dengan memegang tangannya dan menunjukkan cara betul untuk dibuat. Dengan bimbingan ibunya, kesemua keraguan hilang daripada wajah Osman. Apabila minuman susu bercoklat itu siap, muka Osman berseri-seri penuh dengan kegirangan dan keyakinan diri.

Dalam sesi kuiz yang berikut, Osman berpendapat bahawa pembahagian kerja di rumah tidak rata. Dia terus berkata, "Saya ingin membantu mak melakukan lebih banyak kerja di rumah!" Sambutan yang sama turut disuarakan oleh anak-anak lain yang berkumpul di Pusat Jagaan Kanak-Kanak Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.




AKTIVITI interaktif merupakan kunci untuk membina ikatan kekeluargaan.

### Keterangkuman dalam keluarga

PWDC menyaran keterangkuman gender di negeri ini, termasuk dalam keluarga. PWDC memainkan peranan yang penting dalam penggubalan Dasar Keterangkuman Gender yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa kini.

Acara kerja berpasukan ini dapat menterjemahkan hasrat memupuk keterangkuman gender dalam kehidupan harian keluarga. Dalam hal ini, semua ahli keluarga baik ibu bapa mahupun anak lelaki dan anak perempuan bersama-sama menggalas tanggungjawab melaksanakan kerja rumah dan tidak membebankan mana-mana satu pihak. Ini secara langsung akan memupuk keakraban dan keharmonian keluarga.

# Pulau Pinang memimpin dalam agenda pemerkasaan wanita

**PULAU PINANG** mendahului dalam usaha pemerkasaan wanita di negara ini. Beberapa inisiatif 'pertama' kali di Malaysia telah diadakan dalam mengorak langkah mengarusperdanakan gender untuk mencapai kesaksamaan gender.

Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang memperkenalkan 'Dasar Keterangkuman Gender'. Dasar ini memastikan semua agensi dan jabatan kerajaan negeri mengambil kira keperluan wanita dan lelaki dan pada masa yang sama menetapkan matlamat 40:40:20 iaitu '40% wanita, 40% lelaki, 20% terbuka kepada wanita atau lelaki yang berkelayakan' di semua peringkat pejawatan termasuk di peringkat pembuat keputusan. Ini adalah supaya tiada satu jantina mendominasikan proses membuat keputusan dan keputusan yang dibuat akan lebih peka gender. Pada masa ini, peratusan Ahli Majlis wanita adalah 29.1% di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 16.7% di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Angka tersebut menonjolkan satu-satunya jurang gender di peringkat kerajaan tempatan.

Pulau Pinang juga merupakan negeri pertama yang menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, JPWK. Dengan penubuhan JWPK, 600 pemimpin wanita dikenalpasti. JPWK diamanahkan untuk merancang dan melaksanakan program atau projek bagi membangunkan wanita dan keluarga di Kawasan Dewan Undangan Negeri, KADUN masing-masing. JPWK bekerja sama rapat dengan ADUN, supaya mencapai objektif JPWK.

Sementara itu, ADUN juga bertanggung jawab satu lagi jawatankuasa yang dikenali sebagai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Pada masa ini, peratusan wanita di MPKK sudah mencapai sekurang-kurangnya 20% dalam semua MPKK. Angka ini dijangka meningkat ke 33.3% pada tahun 2021.



PENGLIBATAN para peserta di dalam penganjuran Bengkel Gender dan Jantina.

Memang terdapat banyak potensi pemimpin wanita dalam MPKK. Dalam memenuhi keperluan pembangunan kepimpinan ini, PWDC telah mengambil langkah strategik untuk membina satu kumpulan fasilitator yang berpengetahuan dan berwibawa. Di bulan Ogos ini, satu bengkel dua hari telah dianjurkan oleh PWDC yang bertujuan melengkapkan fasilitator dengan pengetahuan dan kemahiran yang kritikal supaya mereka sedia menjadi fasilitator untuk bengkel kepimpinan wanita kelak, termasuk bengkel kepimpinan wanita dalam MPKK. Fasilitator yang tampil ke depan untuk bengkel tersebut datang daripada pelbagai latar belakang. Ada yang daripada syarikat-syarikat terkenal, ada daripada penceramah motivasi dan ada juga yang merupakan fasilitator bersijil.



PESERTA bersama-sama jurulatih Bengkel Pembinaan Kapasiti Fasilitator.

Melalui kempen *'Penang Goes Orange'* (PGO) November yang bertujuan meningkatkan kesedaran bagi menghentikan keganasan terhadap wanita, yang akan dilancarkan pada skala yang lebih besar, momentum negeri bagi mencapai kesaksamaan gender makin berleluasa.

# ‘*Central Fire Station 1908*’ sebagai pengiktirafan khidmat bakti bomba

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN -** Pemasangan tanda nama *‘Central Fire Station 1908’* di hadapan bangunan bersejarah milik Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai merupakan pengiktirafan kepada pasukan penyelamat di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa bangunan ikonik yang terletak dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town itu merupakan balai bomba pertama bukan sahaja di Pulau Pinang bahkan dalam negara.

“Bangunan Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai ini merupakan bangunan warisan Kategori I yang berusia 111 tahun dan masih beroperasi secara aktif.

“Kedudukannya yang strategik menjadikan ia (balai bomba) sebagai aset penting, tambahan pula di kawasan ini terdapat banyak bangunan ‘tua’ dan berkemungkinan terdapat struktur (bangunan) yang tidak memenuhi spesifikasi semasa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

“Maka, ia menjadi satu cabaran buat anggota bomba di sini bukan sahaja sentiasa siap sedia memberi khidmat bakti kepada masyarakat sekeliling ketika berlakunya sesuatu insiden atau malapetaka tetapi juga sebagai ‘agensi teknikal’ bagi spesifikasi bangunan selamat.

“Syabas dan tahniah kepada semua anggota di Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai atas usaha murni dalam terus mengekalkan warisan bangunan ini selaras dengan keperluan konservasi warisan Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town,” ucapnya pada Majlis Perasmian Tanda Nama ‘Central Fire Station 1908’ di Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai dekat sini 3 Ogos lalu.




**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan pasukan Bomba dan Penyelamat merakam gambar kenangan pada Majlis Perasmian Tanda Nama *‘Central Fire Station 1908’* di Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai dekat sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; ADUN Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng dan Pengarah JBPM Pulau Pinang, PKPjB Saadon Mokhtar.

Turut serta, Penolong Pengarah Bahagian Operasi JBPM Pulau Pinang, PgKB I, Mohd. Hafiz Hafizal Timaradin; Ketua Zon 1 JBPM Pulau Pinang, PgKB I, Muhammad Tarmizi Md. Jaafar dan Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai, PKPgB Mohamad Rafizi Arafpin.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong berharap jalinan ukhuwah dapat dieratkan lagi, bukan sahaja antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan JBPM, malah juga lain-lain agensi Persekutuan.

Terdahulu, Zi Sen ketika ditemui memaklumkan bahawa beliau memperuntukkan sejumlah RM3,000 bagi pemasangan tanda nama itu.

“Usaha memulihkan tanda nama *‘Central Fire Station 1908’* itu adalah inisiatif daripada Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai.

“(Dan) saya harap sumbangan yang diberikan itu dapat menaikkan semangat mereka untuk meneruskan usaha murni menjaga serta memelihara bandar raya George Town ini,” jelasnya yang turut menyatakan sokongan terhadap hasrat mewujudkan sudut informasi di balai bomba tersebut untuk berkongsi maklumat dan sejarah bangunan berusia 111 tahun itu.

Dalam pada itu, Saadon menzahirkan penghargaan kepada Ketua Menteri dan juga pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengiktiraf peranan anggota bomba dan penyelamat.

“Tanda nama yang dinaikkan itu adalah suatu pengiktirafan oleh Kerajaan Negeri terhadap khidmat anggota bomba dan penyelamat di balai ini, “ katanya.

Sebagai rekod, Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai merupakan balai bomba pertama yang beroperasi di Malaysia sejak 1908 dengan kekuatan anggota seramai 10 orang ketika itu.

Dikenali sebagai *‘Central Fire Station’* ketika itu, bangunan tersebut kemudiannya dikekal dan digazetkan sebagai bangunan warisan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Difahamkan, selain perkhidmatan bomba tertua, George Town juga merupakan tempat ‘lahirnya’ perkhidmatan kepolisan di Malaysia yang kini menjangkau usia lebih 200 tahun.


## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1055 |
| Peminjam | : CHEK AMAH BINTI AZIZ - 54122407****<br>NO. 21 TAMAN CEMPAKA, JALAN CEMPAKA 1, 34300 BAGAN SERAI, PERAK |
| Penjamin 1 | : ABDUL HADI BIN HJ IDRIS - 60031307****<br>NO. 12 LORONG SERI ACHEH 9, TAMAN SERI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| Penjamin 2 | : SHAMSIAH BT HJ ZAKARIA - 42051207****<br>10 PINTAS PIPIT 7, TAMAN HELANG JAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1087 |
| Peminjam | : SITI ROSNI BINTI ABD RAZAK - 66021907****<br>24-1-2 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BUKIT GEDONG, BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : KHADIJAH BINTI ABD KARIM - 59101308****<br>74-B JALAN PERAK 10400 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : IDRIS BIN ABDUL RAHIM - 59101502****<br>NO. 75 BATU 3 TANDOP 05400 ALOR SETAR, KEDAH |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1126 |
| Peminjam | : ONG LEAN HO - 67113007****<br>695-3-3 DESA KIARA CONDOMINIUM, JALAN DAMANSARA 60000 KUALA LUMPUR |
| Penjamin 1 | : ANG BENG LIM - 36092607****<br>NO. 4216 JALAN ONG YI HOW 13400 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : LOW EE SENG - (MENINGGAL DUNIA)<br>4 MEDAN KURAU 2, CHAI LENG PARK 13700 BUTTERWORTH |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1136 |
| Peminjam | : LEE BOON SEONG - 67011707****<br>4 JALAN IMPIAN INDAH 5, SAUJANA IMPIAN, KAJANG 43000 SELANGOR |
| Penjamin 1 | : LEE BUCK TI - 43050207****<br>NO. 11 JALAN TAN SAI GIN, TAMAN TAN SAI GIN 14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 2 | : SENG SWE PING - 55052707****<br>2048 KAMPUNG BERAPIT 14000 BUKIT MERTAJAM |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1174 |
| Peminjam | : EWE HONG KHOON - 69120407****<br>NO 11 CANGKAT BUKIT GAMBIR , MUKIM 13, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : OOI CHAY HUAT - (MENINGGAL DUNIA)<br>NO.197-A KAMPUNG PISANG, MK 13, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : LEE GEOK HIANG - 60021607****<br>NO.187 NOORDIN STREET 10300 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1217 |
| Peminjam | : S RAJENDRAN A/L SUBRAMANIAM - 53060407****<br>NO. 67 PERSIARAN SEMBILANG 13700 SEBERANG JAYA |
| Penjamin 1 | : MATHURANTHAGEE A/P VASUTHAVAN - 57081807****<br>NO. 11-A JALAN RELAU 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : V MANGALESWARI A/P VASUTHAVAN - 59122707****<br>NO. 11-A JALAN RELAU 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1242 |
| Peminjam | : DZULKAFLI BIN BISTAMAM - 61021207****<br>NO.89 JALAN MAQBUL 10150 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : SURATI BT MUHAMAD - 7077***<br>NO.1496 JALAN 18/27, TAMAN SRI SERDANG 43300 SELANGOR |
| Penjamin 2 | : ABDUL RAHMAN BIN BISTAMAM - 3895***<br>89 JALAN MAQBUL 10150 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1264 |
| Peminjam | : JOHARI BIN ABU BAKAR - 69102407****<br>3104 BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 1 | : NOOR AZMI BIN MOHAMED - 61102607****<br>NO. 3104 BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 2 | : JULIAH BINTI MOHD DESA - 58070971****<br>26 LORONG PAUH JAYA 2/1, TAMAN PAUH JAYA, JALAN BARU 13700 PERAI |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1291 |
| Peminjam | : MOHD NOORSHIAM BIN AHMAD - 67070307****<br>1923-Z TAMAN MAHKOTA, JALAN STADIUM 05100 ALOR SETAR, KEDAH |
| Penjamin 1 | : FADZIL BIN MAHAMUD - 51011502****<br>NO. 7 LORONG BERTAM INDAH 4/1, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 2 | : MARIAM BT OMAR - 58060202****<br>11 TINGKAT MAYANG PASIR 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1295 |
| Peminjam | : RAHIMAH BINTI ABDULLAH - 69030407****<br>521 PERMATANG KUANG 13100 PENAGA, SPU |
| Penjamin 1 | : SALLEH BIN MAN - 4564***<br>988 PERMATANG BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 2 | : SALMIAH BINTI SAMSUDIN - 7122***<br>NO.3 LORONG MAJU 5, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1297 |
| Peminjam | : RASIDI BIN MAJID - 70093007****<br>NO. 6251 SUNGAI KEDAK 13100 PENAGA, SPU |
| Penjamin 1 | : MOHAMAD ROSLI BIN AZIZ - 58061607****<br>1A-06-09 PANGSAPURI INDAH, LORONG TELOK AIR TAWAR 6, 13050 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : FADZIL BIN ABU BAKAR - 53072807****<br>TS 10253 KAMPUNG TOK OTEK 13110 PENAGA, SPU |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1318 |
| Peminjam | : ZAINAB BINTI AHMAD - 70010807****<br>935 PERMATANG TOK JAYA, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH |
| Penjamin 1 | : ABDUL RAHMAN B. AHMAD - 4818***<br>935 PERMATANG TOK JAYA 13800 SUNGAI DUA , BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : HASHIM B. HAJI SAAD - (MENINGGAL DUNIA)<br>1993 A, QTRS PUSAT KESIHATAN 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1375 |
| Peminjam | : IDRIS BIN MOHD ZAID - 68120507****<br>NO. 91 PESIARAN WIRA JAYA BARAT 36, TAMAN DESA INDAH 31350 IPOH, PERAK |
| Penjamin 1 | : RAHMAD BIN ARIFFIN - 54111207****<br>24 SOLOK KAMPUNG JAWA 7, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : MOHAMAD BIN MAT AIL - 55062003****<br>LOT 2247 BATU 3.5, JALAN SULTAN YAHYA PETRA 15150 KOTA BAHARU, KELANTAN |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 1387 |
| Peminjam | : ONG CHIN GUAN - 68070907****<br>21-C MACALLUM STREET 10300 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : KHOR SIEW TIANG - 64022507****<br>BLOK 11-3-14, TINGKAT PAYA TERUBONG 2, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : LEE KOK VOON - 55092707****<br>7-4-11 TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG |

# Kongres Makanan Laut Dunia, Pulau Pinang pertama di Asia Tenggara




**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil penganjur pada sidang media pengumuman penganjuran Kongres Makanan Laut Dunia 2019 di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang yang menjadi tuan rumah Kongres Makanan Laut Dunia 2019 pada 9 hingga 11 November ini merupakan destinasi pertama di rantau Asia Tenggara.

Mengumumkan perkara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap acara yang akan berlangsung di Pusat Konvensyen Setia SPICE itu kelak dapat menjadi wadah untuk Pulau Pinang menimba pengalaman mengenai potensi industri makanan laut sedunia.

"Makanan laut juga memainkan peranan penting bagi Malaysia kerana industri ini mewujudkan peluang pekerjaan dan hasil pendapatan.

"Perikanan, perkapalan dan perdagangan maritim, secara sejarah, memang menguasai aktiviti laut di Pulau Pinang.

"(Justeru,) kongres ini kelak menjadi wadah untuk saling bertukar maklumat, idea serta konsep mengenai sektor makanan laut," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam sidang media di sini 1 Ogos lalu.

Menurut Kon Yeow, Pulau Pinang kini merupakan pengeluar akuakultur ketiga terbesar negara selepas Sabah dan Sarawak.

"Pulau Pinang juga telah menunjukkan hasil yang luar biasa dalam industri perikanan pada tahun 2017.

"Pengeluaran makanan laut di Pulau Pinang mencecah nilai borong ketiga tertinggi di belakang Perak dan Kedah," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Kon Yeow dalam pada itu menjangkakan acara antarabangsa berkaitan akan membawa impak dalam bentuk ekonomi, dengan anggaran kitaran duit sejumlah RM2 juta dan sasaran 350 perwakilan.

Bercakap pada sidang media sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Yeoh Soon Hin menyatakan bahawa acara antarabangsa itu bakal membawa para penyelidik, ahli akademik dan pemain industri serta profesional dari seluruh negara di bawah 'satu bumbung' kelak.

"Saya harap kejayaan Pulau Pinang sebagai tuan rumah ini kelak akan merancakkan lagi acara bertaraf dunia pada masa akan datang," katanya yang juga ADUN Paya Terubong.

# iP lancar logo dan laman web baharu

**GEORGE TOWN -** *Invest Penang* (iP) baru-baru ini melancarkan logo korporat baharu, setelah 15 tahun gagah memacu prospek pembangunan pelaburan negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap identiti baru iP itu turut memperkuat lagi fungsi agensi Kerajaan Negeri berkaitan dalam mencapai Visi Penang2030, iaitu menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau dan pintar serta berpaksikan kepada kekeluargaan sehingga tahun 2030.

"Walaupun logo iP telah berubah imej, fokus serta urusan utama agensi negeri itu adalah tidak berubah (iaitu) mempromosi Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan utama untuk hab pelaburan berkaitan teknologi, perniagaan serta industri," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam majlis rasmi di sini pada 1 Ogos 2019.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain dan Ketua Pegawai Eksekutif iP, Dato' Loo Lee Lian turut sertai acara pelancaran logo korporat tersebut.

Menurut Kon Yeow, menerusi usaha iP dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berjaya merekodkan RM8.5 bilion pelaburan langsung asing (FDI) ke Pulau Pinang bagi suku pertama tahun 2019.

"Pelaburan ini dijangka mewujudkan 10,073 peluang pekerjaan baru di negeri ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Berucap pada majlis sama, Pengarah iP, Datuk Seri Lee Kah Choon memberitahu bahawa pelancaran logo baharu itu akan membawa semangat baru untuk mendepani iklim pelaburan serantau pada masa hadapan yang dijangka kian mencabar.

"Peranan kami (iP) pada hari ini kian berkembang dalam meningkatkan inisiatif menarik, membangun serta mengekalkan bakat (di negeri ini untuk menarik pelabur)," ujarnya.

Tambah Kah Choon, pelancaran laman web rasmi iP yang baharu dengan reka bentuk lebih kontemporari, dilengkapi dengan navigasi mudah serta bersifat interaktif adalah merupakan salah satu strategi untuk menarik lebih ramai pelabur ke negeri ini.

"Imej baru kami (iP) mahu dilihat ke hadapan dan profesional," katanya.



# Lindungi ekosistem hutan bakau

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADUN**



ANAK pokok bakau ditanam demi ekosistem hutan bakau.

**PENANAMAN** pokok bakau bukan sahaja boleh mencegah hakisan pantai dan memelihara habitat asal supaya anak ikan, udang serta ketam membiak, sebaliknya kewujudan pokok berkaitan turut mampu mewujudkan suatu ekosistem yang unik dan istimewa.

Menyedari peri penting tumbuhan tersebut, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan pada 6 November 2015 telah mengisytiharkan Hari Pemuliharaan Ekosistem Hutan Bakau Antarabangsa pada tarikh berkenaan.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz, pengisytiharan tersebut telah menggariskan beberapa faktor kepentingan ekosistem hutan bakau yang memberikan manfaat kepada manusia.

"Hutan bakau merupakan suatu ekosistem yang unik dan istimewa, tetapi ia mudah musnah…. banyak manfaatnya kepada manusia daripada segi sumber hutan (bakau) serta perikanan.

"Yang lebih penting bakau bertindak sebagai agen penting untuk melindungi pantai dan mengawal kesan perubahan cuaca serta kecukupan sumber makanan kepada penduduk tempatan," katanya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Azrul Mahathir berkata demikian ketika hadir menjayakan Program Tanam Bakau bersempena sambutan Hari Pemuliharaan Ekosistem Hutan Bakau Sedunia 2019 dekat Kuala Sungai Burung, Balik Pulau.

Program tersebut dianjurkan oleh Persekutuan Pengakap Daerah Balik Pulau dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dan Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan Unit Kuala Sungai Burung.

Hampir 100 peserta termasuk ahli pengakap, ahli-ahli persatuan nelayan dan orang ramai meluangkan masa menjayakan kempen tersebut.

Sebagai agen pelindung pantai, hutan bakau penting untuk mengatasi isu utama pantai-pantai di Malaysia terutamanya daripada ombak dan angin yang menyebabkan hakisan pantai di negara ini.

Menurut Azrul Mahathir, pokok-pokok bakau dapat menjadi penghalang angin dan ombak besar secara semula jadi seperti tsunami, menghalang air masin masuk ke sungai serta tanah pantai, mengitar semula nutrien dan menapis bahan toksik.

"Malah kayunya juga boleh dijadikan sebagai sumber hutan untuk bahan bangunan, bahan api dalam bentuk kayu arang, produk-produk perubatan berasaskan bakau dan produk lain seperti madu serta lain-lain.

"Mungkin ada di antara kita yang masih ingat pada tanggal 25 Disember 2004, bagaimana tsunami membadai kawasan pantai di kawasan Balik Pulau dekat Pantai Pasir Panjang hingga mengorbankan 32 nyawa…. jika ada pokok-pokok bakau ini, mungkin impak kesan itu dapat dikurangkan," ujarnya.

Justeru, Azrul Mahathir berharap program sedemikian mampu membawa perubahan positif dalam kalangan masyarakat berhubung ekosistem bakau.

"Pendedahan ini diharap mampu mewujudkan kesedaran kepada umum tentang betapa pentingnya pemuliharaan ekosistem hutan paya bakau ini," seru beliau.

AZRUL Mahathir Aziz (tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama pihak-pihak berkaitan yang menjayakan Hari Pemuliharaan Ekosistem Hutan Bakau Sedunia 2019 di sini baru-baru ini.





PEMANDANGAN kawasan hutan bakau di Kuala Sungai Burung, Balik Pulau.




# Berganding bahu, wujudkan masyarakat bebas jenayah seksual kanak-kanak!

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PINANG TUNGGAL –** Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng memberitahu bahawa 95 peratus kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang dilaporkan di negara ini adalah dilakukan individu dikenali mangsa secara rapat.

Katanya, faktor tersebut menyebabkan kebanyakan daripada mangsa memilih untuk mendiamkan diri demi menjaga nama dan maruah keluarga.

"Kadang-kala apabila kita diberitahu oleh kanak-kanak apa yang berlaku ke atas diri mereka, reaksi orang dewasa adalah menganggap mereka mengada-adakan cerita kerana mahukan perhatian.

"Walau bagaimanapun, menurut statistik, sebanyak 98 peratus daripada kes yang dilaporkan adalah didapati benar, tetapi malangnya hanya 30 peratus orang dewasa mempercayai aduan tersebut.

"Oleh itu, kita seharusnya tidak memandang remeh terhadap aduan yang dibuat kanak-kanak sehingga akhirnya mereka lebih memilih untuk mendiamkan diri," ucap beliau pada Majlis Penyerahan Buku Keselamatan Tubuh Badan Kanak-Kanak dekat Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Utara, di sini pada 23 Julai lalu.



SEBAHAGIAN kakitangan Pejabat Pendidikan Daerah SPU menunjukkan poster serta buku berkaitan.

Turut hadir, Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Ismail Mohd. Said; ketua-ketua sektor JPNPP; pegawai-pegawai pendidikan daerah serta guru.

Mengulas lanjut, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang memberitahu, satu daripada tiga kanak-kanak perempuan dan satu daripada enam kanak-kanak lelaki di negara ini telah menjadi mangsa penderaan secara seksual.



CHONG Eng (tengah) bergambar bersama-sama wakil-wakil berkaitan sejurus Majlis Penyerahan Buku Keselamatan Tubuh Badan Kanak-Kanak di sini baru-baru ini.

"Menurut kajian, kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual akan menunjukkan tanda-tanda seperti suka berahsia, sering ketakutan, mempunyai pengetahuan seksual melebihi had umur dan lain-lain berkaitan.

"Justeru, marilah kita berganding bahu mewujudkan sebuah masyarakat yang selamat supaya anak-anak kita dapat membesar dalam suasana sihat daripada segi fizikal serta emosi.

"Anak-anak adalah masa depan negara dan melindungi anak-anak adalah tanggungjawab kita bersama," serunya.

Difahamkan, buku Keselamatan Tubuh Badan Kanak-Kanak diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam empat bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Mandarin.

Buku setebal 55 muka surat tersebut mengandungi fakta-fakta penting berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak serta panduan kepada ibu bapa dalam menangani masalah tersebut.

Sehingga kini, sebanyak 90,000 naskhah telah diedarkan kepada 399 sekolah di seluruh negeri.

Bagi mereka yang berminat untuk mendapatkan salinan buku berkenaan boleh hubungi talian, 04 - 261 4590/ 04 - 650 5143.

# Peranan institusi kekeluargaan penting demi membina generasi baru




**BERTAM –** Institusi kekeluargaan memainkan peranan penting dalam membina generasi baru yang mampu menjadi penyumbang kepada nilai, budaya bangsa serta ketamadunan manusia

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata bahawa menyedari hal itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan Visi Penang2030 yang memberi penekanan kepada pembangunan keluarga di dalam negeri hijau dan pintar.

"Visi Penang2030 akan menjadi panduan serta hala tuju Kerajaan Negeri.

"Kita amat mengalu-alukan sebarang usaha ke arah memantapkan institusi keluarga bagi meningkatkan lagi kesedaran serta pengetahuan ibu bapa dalam menangani isu-isu kekeluargaan khasnya di Pulau Pinang," ucapnya pada Majlis Penutup Forum Kitakan Keluarga: Membina Harapan Malaysia Baru Dalam Institusi Keluarga di sini 29 Julai lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad; Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Dr. Florance Sinniah dan Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Pulau Pinang, Dr. Azura Abdullah.

Mengulas lanjut, Chong Eng yang juga ADUN Padang Lalang memberitahu bahawa perkembangan pantas dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mengubah gaya hidup yang secara langsung turut memberi impak negatif kepada institusi keluarga.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri sering menitikberatkan kepentingan keseimbangan masa antara keluarga dan kerjaya serta sentiasa menyokong pelaksanaan masa bersama anak-anak yang dilihat mampu mengurangkan gejala negatif.

"Bagi mencapai matlamat membina harapan Malaysia baru pula, ia turut memerlukan komitmen semua pihak termasuk jabatan dan organisasi Kerajaan Persekutuan seperti LPKKN serta pihak majikan," jelasnya.

Dalam pada itu, Azura dalam ucapannya sebelum itu menyatakan bahawa Visi Penang2030 yang menekankan aspek kekeluargaan mampu menjadikan institusi keluarga di negara ini ke arah lebih baik dalam melahirkan generasi berwawasan.

# Bina semula skuad 'Harimau Kumbang', capai prestasi terbaik

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menetapkan tempoh tiga tahun untuk skuad 'Harimau Kumbang' membentuk kembali pasukan dan bersaing bagi mencapai prestasi terbaik.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, tempoh tersebut adalah memadai bagi membolehkan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) membina semula pasukan.

"Apabila isu berkaitan FAP dibawa kepada Kerajaan Negeri tahun lalu...bukan sekadar isu cabaran kewangan tetapi turut melibatkan lain-lain isu.

"Sebagai Ketua Menteri, saya tidak boleh membiarkan FAP terus 'karam' dan perlu memainkan peranan dalam mengatasi masalah yang ada.

"(Dan) saya amat berpuas hati dengan pencapaian tahun pertama yang ditunjukkan oleh skuad Pulau Pinang serta tidak menjangka akan mencapai prestasi yang begitu cemerlang (musim ini).

"Exco (Belia dan Sukan), barisan pimpinan dalam FAP serta pengendali pasukan telah menunjukkan kepimpinan yang baik, begitu juga para pemain memberi tumpuan (ketika beraksi) dan bermain dengan cemerlang," ujarnya yang turut menzahirkan penghargaan semua pihak terlibat menjulang kejayaan buat skuad Pulau Pinang musim ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Apresiasi Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang di sini 1 Ogos lalu.

Turut berucap, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan Presiden FAP, Dr. Amar Pritpal Abdullah.

Menyentuh mengenai kemelut yang melanda skuad 'Harimau Kumbang', Kon Yeow berharap ia tidak menjejaskan tumpuan para pemain.

"Mungkin ada hikmah kerana kita kini sedang dalam proses membina semula pasukan.

"Anggaplah kemelut itu sebagai suatu cabaran untuk terus bermain dengan cemerlang serta jangan biarkan kekecewaan terus menguasai... sebaliknya teruskan perjuangan.

"(Dan) saya difahamkan, FAP akan menyambut ulang tahunnya yang ke-100 dua tahun lagi (2021), jadi marilah kita berjuang bersama-sama dan capai prestasi terbaik," serunya yang turut mendapat sorakan keramat 'Haria Penang Haria'.



KETUA Menteri bersama-sama Soon Lip Chee, Dr. Amar Pritpal Abdullah, para kepimpinan FAP serta barisan pemain merakam gambar kenangan pada Majlis Makan Malam Apresiasi Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Lip Chee percaya bahawa kejayaan skuad kendalian Ketua Jurulatih, Manzoor Azwira Abd. Wahid yang 'berjaya' menduduki tangga ketujuh dalam Liga Premier musim ini akan terus kekal cemerlang pada musim hadapan dalam saingan Liga Malaysia.

Begitu juga Amar yang memuji semangat juang yang ditunjukkan oleh para pemain sepanjang 10 perlawanan terakhir.

"Saya percaya FAP selepas ini akan memberikan tumpuan terhadap pembangunan bola sepak dan membina semula pasukan yang lebih kuat," katanya ketika ditemui sejurus majlis berkaitan.

Difahamkan, majlis makan malam tersebut diadakan sebagai apresiasi kepada skuad 'Harimau Kumbang' kerana berjaya layak ke saingan Piala Malaysia musim hadapan.

Kali terakhir skuad Pulau Pinang layak ke Piala Malaysia adalah pada tahun 2015.

Menyorot kembali 10 perlawanan terakhir, skuad Pulau Pinang berjaya mengharungi saingan tanpa kalah satu perlawanan.

Malah, pencapaian terbaik musim ini adalah ketika menentang Sarawak di stadium keramat, Stadium Bandaraya yang mana Pulau Pinang berjaya menjaringkan enam gol.





IVORY GLENEARY SDN BHD (548788 M)
(a company listed on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad)
Ivory Tower @ Penang Times Square, 81-11-1, Jalan Dato Keramat
10150 George Town, Penang. F 04 227 7888 E contact@ivory.com.my

+604 210 8000
www.ivory.com.my

IVORY PROPERTIES 20 YEARS OF FAITH, HOPE AND LOVE

The Wave – Nama Pemaju : Ivory Gleneary Sdn. Bhd. , Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang. No. Kebenaran Merancang: JPB/PM/4585PT2, MPPP/OSC/PM1688/12, MBPP/OSC/PM3503/17/101518-1; No. Pelan Bangunan : MPPP/OSC/PB6421/14, MBPP/OSC/PB10548/18, Jenis Pegangan: Hakmilik kekal, Tarikh Dijangka Siap: Tahun 2021, Harga Jualan: RM635,530 (Min) - RM2,788,000 (Maks), Jenis Pembangunan: Soho 1250 kps - 2905 kps, Bilangan Unit: 312 unit - Jenis A1 (26 unit), Jenis A2 & A3 (50 unit), Jenis A4 (24unit), Jenis B1(52 unit), Jenis B2 (52 unit), Jenis B3 (48 unit), Jenis B4 (48 unit), Jenis C1 (2 unit), Jenis C2 (2 unit), Jenis C3 (2 unit), Jenis C4 (2 unit), Jenis D (4 unit). Bebanan Tanah: Bank Islam Malaysia Berhad

# Hindari aktiviti jenayah!

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**



**SOON Lip Chee (duduk, empat dari kanan), pegawai-pegawai PDRM, wakil-wakil berkaitan serta para pelajar yang mengambil bahagian merakam gambar kenangan pada Majlis Perasmian Program Pemantapan Sahsiah Diri Pelajar Negeri Pulau Pinang 2019 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Golongan pelajar diseru agar menghindarkan diri daripada terjerumus dengan aktiviti jenayah seperti penagihan dadah, pergaulan bebas dan sebagainya.

Seruan tersebut disuarakan Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee ketika hadir merasmikan Program Pemantapan Sahsiah Diri Pelajar Negeri Pulau Pinang 2019 di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut, Jalan Patani dekat sini 25 Julai lalu.

Menurut beliau, selain mendedahkan pelajar tentang bahaya kegiatan jenayah, program tersebut antara lain membuka ruang (pelajar) memahami dengan lebih dekat kerjaya Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Program ini juga wajar diberi galakan dan sokongan supaya remaja-remaja akan lebih memahami cara-cara pengoperasian balai polis serta tanggungjawab pasukan keselamatan berkaitan.

"(Dan) ia merupakan salah satu pendekatan terbaik untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar dalam memantapkan sahsiah diri mereka yang sedang meningkat dewasa," ucapnya semasa merasmikan program tersebut.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan; Ketua Polis IPD Timur Laut, Asisten Komisioner (ACP) Che Zamani Che Awang dan Timbalan Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah merangkap Timbalan Keselamatan Komuniti Polis Kontinjen Pulau Pinang, Asisten Komisioner (ACP) Somsak a/l Din Kelliaw.

Turut serta, Pegawai Bimbingan dan Kaunseling Unit Hal Ehwal Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Mohamad Zakaria Zain dan wakil Ketua Unit Pembangunan Kemanusiaan, Pejabat Pendidikan DTL, Jalil Abdul Karim.

Difahamkan, program julung kali tersebut adalah anjuran Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) bersama-sama Pusat Khidmat ADUN Batu Uban, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut dan JPNPP.

Seramai 80 pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Gambir dan SMK Sungai Nibong menyertai program berkaitan.




HAKMILIK KEKAL

RESIDENSI PALMA

RUMAH TERES 2 TINGKAT

| | |
|---|---|
| Keluasan Tanah | : 111 mp (min) - 208 mp (max) |
| Keluasan Binaan | : 198 mp (min) - 231 mp (max) |
| Harga Jualan | : RM618,000 (min) - RM753,000 (max) |
| Bilangan Unit | : 90 Unit |

No. Lesen Pemaju : 10052-4/10-2019/0785(L) Tempoh Sah : 10/10/2017 - 09/10/2019
No. Permit Iklan & Jualan : 10052-4/10-2019/0785(P) Tempoh Sah : 10/10/2017 - 09/10/2019
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-44/135 Bebanan Tanah : Tiada
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : Jan 2021 Sekatan Kepentingan : Tiada
Jenis Pegangan Tanah : Hakmilik Kekal Bilangan Unit: Rumah Teres 2 Tingkat - 90 Unit

HONG HONG DEVELOPMENT SDN BHD (394700-M)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel : 04-3240088 Fax : 04-3240090 Email: tilb@tambunindah.com

5% Diskaun Untuk Bumiputera

# *'Foldies on Rapid Bus'* inisiatif galak guna pengangkutan awam

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Kira-kira 250 bas Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) di seluruh negeri kini dilengkapi dengan ruang meletakkan basikal lipat sebagai langkah untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Inisiatif mesra alam tersebut dilaksanakan melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Rapid Penang.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, penumpang bas kini boleh menaiki bas dari rumah mereka ke hentian bas Rapid Penang dan berbasikal ke destinasi masing-masing.

"Perhatikan bas Rapid Penang yang mempunyai pelekat basikal lipat. Bas-bas ini membenarkan penumpang menaiki bas dengan membawa sekali basikal mereka.

"Setiap bas boleh menampung antara lima hingga 10 unit basikal lipat," katanya semasa melancarkan *'Foldies on Rapid Bus'* di hadapan Setia SPICE Arena dekat sini 4 Ogos lalu.

Turut hadir, Ahli Majlis bagi MBPP, Latifah Hussainsa; Ketua Pegawai Operasi Rapid Penang, Ahmad Shabuddin Abdullah dan beberapa pengayuh basikal dari *Bike-On-Friday*.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Bus Sdn. Bhd., Muhammad Yazurin Sallij Muhammad Yassin berkata bahawa tiada sebarang caj tambahan akan dikenakan kepada penumpang bagi penggunaan perkhidmatan tersebut.

"Kita juga ada menyediakan modul latihan untuk mendidik kapten bas agar mereka lebih prihatin terhadap pengguna basikal,'' jelasnya.



**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.**



**AR. Yew Tung Seang (berhelmet kuning) dan Muhammad Yazurin Sallij Muhammad Yassin (berbaju kuning hitam) pada Majlis Pelancaran 'Foldies on Rapid Bus' di sini baru-baru ini.**

## Lokaliti Seberang Perai bebas denggi

**SEBERANG JAYA –** Langkah proaktif diambil Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berjaya mengurangkan jumlah kes denggi di kawasan pentadbirannya iaitu daripada 238 kes pada Disember tahun lalu kepada hanya dua kes pada 31 Julai 2019.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, jumlah lokaliti denggi juga turut mencatatkan penurunan daripada 35 kawasan kepada sifar dalam tempoh masa sama.

"Sebagai langkah proaktif, MPSP telah menubuhkan sebuah Pasukan Pengendalian Krisis Denggi pada 7 Disember tahun lalu bagi menjalankan pembersihan serta operasi cari dan musnah kawasan berpotensi wabak sekitar Seberang Perai.

"Penubuhan pasukan yang dianggotai oleh 150 individu ini adalah salah satu proses tindak balas terhadap kejadian kecemasan yang digariskan dalam Pelan Pengurusan Bencana Seberang Perai.

"Selain itu, hasil usaha sama antara MPSP dan Pejabat Kesihatan Negeri menjadikan ketiga-tiga daerah di Seberang Perai kini merupakan kawasan bebas wabak denggi," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini 31 Julai lalu.

Turut hadir, Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta ketua-ketua jabatan MPSP.

Walau bagaimanapun, Rozali memberitahu bahawa sebanyak lapan kes kematian akibat denggi di negeri ini dengan Seberang Perai mencatatkan sebanyak empat kes dari Januari hingga Julai tahun ini.

"Justeru, semua pihak dinasihatkan agar memeriksa premis masing-masing dan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan tiada kawasan berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes," serunya.



**SR. Rozali Mohamud.**

## Program Asas Renang diharap pupuk minat ceburi sukan renang

**BAYAN LEPAS –** Program Asas Berenang dan Keselamatan Air yang dianjurkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Persatuan Penyelamat Butterworth memberi peluang kepada kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun daripada golongan B40 untuk mempelajari kemahiran tersebut.

Menurut Ahli Majlis MBPP, Gerald Mak Mun Keong, program tersebut bertujuan untuk mengurangkan kes lemas terutama dalam kalangan kanak-kanak, dan serentak itu turut memberi pendedahan serta tunjuk ajar kepada kanak-kanak yang tidak berpeluang mengikuti kelas renang yang dianjurkan oleh pihak swasta.

"Program ini adalah satu aktiviti yang bermanfaat kepada ibu bapa dan kanak-kanak bagi golongan tersebut yang gemar melakukan aktiviti air yang secara tidak langsung dapat menambah pengetahuan mengenai aspek keselamatan air.

"Saya berharap agar kanak-kanak ini dapat mempelajari kemahiran baharu dan menyemarakkan keyakinan diri serta dapat memupuk minat mereka untuk menceburi bidang sukan khususnya sukan renang," ucapnya pada penganjuran berkenaan di Kompleks Sukan Bandaraya Relau dekat sini 4 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis iaitu P.R. Kaliyappan dan Latifah Hussainsa; Pengarah Jabatan Khidmat Kemasyarakatan bagi MBPP, Rashidah Jalaludin dan tenaga pengajar Persatuan Penyelamat Keselamatan Butterworth, Tan Kuan Ling.

Mengulas lanjut, Mun Keong memaklumkan bahawa program tersebut akan diteruskan tahun hadapan sekiranya mendapat sambutan menggalakkan daripada golongan sasar.

Difahamkan, seramai 60 kanak-kanak menyertai program berkaitan pada hari berkenaan.

# Lampu jalan LED, umum sokong inisiatif Kerajaan Negeri

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**KERAJAAN** Negeri berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama dalam negara menggunakan 100 peratus lampu jalan jenis diod pemancar cahaya (LED) menjelang tahun 2022.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa penggunaan lampu LED lebih menjimatkan tenaga, kos penyelenggaraan yang rendah serta mesra alam.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berkesempatan meninjau pandangan umum berhubung perkara tersebut untuk melihat sejauh mana ia memberi manfaat kepada rakyat terbanyak.



LATIFAH Hussainsa.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), **LATIFAH HUSSAINSA** berkata, beliau menyokong 100 peratus hasrat Kerajaan Negeri sekiranya tidak timbul sebarang masalah berbangkit selepas pemasangan lampu jalan LED di negeri ini.

"Saya amat menghargai dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang pintar merancang demi keselesaan negeri dan rakyat tercinta," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi hak asasi manusia yang bertapak di Seberang Perai, **K.V. RAMAN**, 59, memberitahu bahawa hasrat murni Kerajaan Negeri tersebut adalah wajar disokong semua pihak.



K.V. Raman.

Menurutnya, pencahayaan sempurna adalah amat penting untuk mewujudkan persekitaran yang lebih selamat.

"Langkah Kerajaan Negeri ini wajar dipuji dan amat dialu-alukan demi kepentingan rakyat.

"Contohnya, di Seberang Perai kita boleh lihat jalan-jalan di sekitar kawasan Raja Uda sudah menggunakan lampu LED yang mana pencahayaannya lebih terang berbanding kawasan-kawasan menggunakan lampu biasa.

"Pencahayaan ini sangat penting terutamanya untuk pemandu selain mampu mencegah kes-kes jenayah seperti rompakan, ragut dan sebagainya," jelas beliau.



AMIRAH Baharom.

**AMIRAH BAHAROM**, 23, seorang operator kilang pula berpendapat bahawa sebarang usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri demi kepentingan rakyat terbanyak patut disokong.

"Usaha ini biarpun mungkin bagi sesetengah orang tidak ada kesan ketara tetapi bagi saya yang bekerja mengikut syif adalah sangat penting terutamanya dalam aspek keselamatan pada waktu malam," ujarnya.

Pelajar kolej swasta, **NUR RIESMA FADILA RAZALI**, 21, berpendapat bahawa penggunaan lampu jenis LED mampu menjimatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri.

Justeru, beliau menyarankan agar hasil daripada penjimatan tersebut disalurkan untuk pembangunan golongan belia di negeri ini.

"Sekiranya penggunaan lampu jenis LED boleh jimatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri, bermakna inisiatif itu amat baik.

"Wang yang dijimatkan itu boleh digunakan untuk pembangunan lain yang lebih penting dan memberi manfaat kepada rakyat seperti pendidikan atau program yang boleh menjana pendapatan untuk golongan belia di negeri ini," ulasnya.



NUR Riesma Fadila Razali.



# *'The Street Memories'* imbas era kegemilangan sejarah

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN -** Seni lukisan dinding atau mural berjaya mengangkat nama Pulau Pinang sebagai salah satu tarikan dunia di dalam sektor pelancongan.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, seni lukisan dinding turut menarik minat masyarakat dan sekaligus telah meningkatkan permintaan bagi menghasilkan lukisan serupa yang lebih bermutu, punyai konotasi budaya serta hubungan antara seni serta bangunan.

"Umumnya, Kerajaan Negeri amat menggalakkan lukisan dinding yang boleh mengimbas kembali era kegemilangan sejarah yang tidak pernah dilihat oleh generasi muda di negeri ini.

"Lukisan dinding *'The Street Memories'* di Lorong Ikan ini merupakan salah satu daripada lukisan dinding yang membawa mesej kehidupan masyarakat dahulu kala di bandar warisan ini," ucapnya pada Majlis Perasmian Pemeran Lukisan The Street Memories dekat Lorong Ikan di sini 28 Julai lalu.

Tambah Lai Heng, lukisan di Lorong Ikan berkaitan menunjukkan sepasang warga emas menjual ikan masin yang pernah menjadi sumber ekonomi penduduk di situ suatu ketika dahulu.

Sungguhpun pernah menerima bantahan daripada beberapa pihak untuk menghentikan projek lukisan dinding tersebut, namun bagi Lai Heng, Kerajaan Negeri mampu menjalankan inovasi serta menjaga keaslian budaya dalam tempoh yang sama.



**TEH Lai Heng (tengah) menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Pemeran Lukisan *'The Street Memories'* di sini baru-baru ini.**

"Dengan itu Kerajaan Negeri mempunyai piawaian ketat untuk memastikan bahawa semua permohonan untuk melukis mural adalah berkaitan tema warisan dan setempat," katanya yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.

# Lancar kelas bimbingan percuma mantap pembelajaran

**SUNGAI PINANG –** Ahli Parlimen (MP) Jelutong, R.S.N. Rayer melancarkan Kelas Bimbingan Percuma khusus untuk para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan di kawasan ini.

Rayer berkata, kelas yang akan memberi tumpuan kepada calon-calon Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) serta Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berkaitan akan dijalankan di Dewan MPKK (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung) Kampung Maqbul, dekat Sungai Pinang di sini.

"Ia diadakan untuk memberi peluang kepada pelajar yang kurang berkemampuan untuk memantapkan kemahiran pembelajaran masing-masing sebelum menghadapi peperiksaan besar.

"Saya sedar ramai kalangan pelajar yang berpotensi di dalam pelajaran, namun disebabkan kos kelas-kelas tambahan yang dijalankan pihak swasta, ramai yang tidak mampu.

"Jadi diharap peluang ini akan digunakan sepenuhnya oleh para pelajar untuk fokus dan tekun," ucapnya pada Majlis Pelancaran Bengkel UPSR, PT3 dan SPM 2 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong dan Ahli-ahli Jawatankuasa MPKK Kampung Maqbul.

Bagi tujuan berkaitan, Rayer memperuntukkan sejumlah RM11,000 untuk membayar khidmat empat guru berpengalaman dan bagi membiayai nota serta soalan-soalan ramalan peperiksaan.

"Buat sementara, kita masih lagi membuka penyertaan, justeru ibu bapa di kawasan Parlimen Jelutong meliputi kawasan Batu Lancang, Datuk Keramat dan Sungai Pinang adalah dialu-alukan untuk menghantar anak-anak mengikuti kelas bimbingan secara percuma ini.

"Bagi tiap-tiap peperiksaan (UPSR, PT3 dan SPM) diperuntukkan untuk 30 pelajar, walau bagaimanapun, jika mendapat sambutan lebih, saya bersedia untuk menambah peruntukan sedia ada asalkan anak-anak ini mendapat peluang mengikuti kelas bimbingan ini," jelasnya.

Difahamkan, kelas bimbingan berkenaan bakal dijalankan dua kali seminggu iaitu pada setiap hari Sabtu dan Ahad.

Bagi yang berminat, pendaftaran boleh dilakukan di Pusat-pusat Khidmat ADUN Batu Lancang, ADUN Sungai Pinang dan ADUN Datuk Keramat.




**R.S.N. Rayer (lapan dari kiri), Ong Ah Teong (enam dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama barisan wakil penganjur, para tenaga pengajar dan juga pelajar-pelajar pada Majlis Pelancaran Bengkel UPSR, PT3 dan SPM di sini baru-baru ini.**

## Balai Polis Pulau Tikus terima sumbangan lima set komputer

**PULAU TIKUS –** Sebanyak lima set komputer dilengkapi pencetak disumbangkan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai untuk kegunaan Balai Polis Pulau Tikus di sini.

Menurut Hon Wai, sumbangan bernilai RM20,000 itu adalah bertujuan menambah baik produktiviti tugasan harian anggota dan pegawai di balai polis berkaitan.

"Saya berharap sumbangan set komputer ini akan membantu kerja-kerja harian para anggota polis di sini dan juga sebagai penghargaan kepada jasa mereka," ujarnya ketika menyerahkan sumbangan berkaitan di Balai Polis Pulau Tikus 23 Julai lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit dan Sarjan Mejar B. Paramasivan mewakili Ketua Polis Balai Pulau Tikus.

Dalam pada itu, Paramasivan menzahirkan ucapan terima kasih kepada Hon Wai atas sumbangan tersebut.

"Terima kasih kepada YB, dan saya percaya sumbangan ini akan dapat membantu melicinkan kerja-kerja harian serta menambah baik fasiliti di Balai Polis Pulau Tikus ini," katanya.



# Hapus denggi, ADUN lancar gotong-royong perdana

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**AIR ITAM -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang menyifatkan bahawa gejala denggi kini sudah mencapai isyarat merah yang perlu ditangani segera.

Justeru, pihaknya bersama-sama agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan pelajar sekolah bersama-sama komuniti telah mengambil inisiatif menganjurkan program Gotong-Royong Perdana Kampung Melayu 2019 di sini 28 Julai lalu.

"Saya percaya ini antara gotong-royong terbesar yang pernah kita anjurkan melibatkan kira-kira 430 penyertaan, kenapa kita kena anjurkan ini?

"Kita perlu anjurkan kerana Pulau Pinang mempunyai wabak denggi setiap minggu, sehingga kini (Januari hingga Julai) sebanyak enam kematian dicatatkan di negeri kita," ucapnya pada Majlis Perasmian Gotong-Royong Perdana Kampung Melayu berkaitan.

Hadir sama, Ahli Parlimen bagi kawasan Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

Mengulas lanjut, Soon Siang juga memaklumkan bahawa pihaknya akan bertemu dengan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi membincangkan isu kekosongan 66 unit rumah di Flat Kampung Melayu.

"Isu ini akan diketengahkan kerana kita tahu masih ramai golongan memerlukan rumah di Pulau Pinang, serta tindakan yang akan diambil," jelasnya.




**JOSEPH Ng Soon Siang (barisan pertama, dua dari kanan), Ramkarpal Singh (barisan pertama, tiga dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penganjur dan para peserta program Gotong-Royong Perdana Kampung Melayu di sini baru-baru ini.**

# ADUN nekad naik taraf empat pili bomba tambahan



**A. Kumaresan (kanan sekali) dan dua ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Dua menunjukkan salah satu lokasi pili bomba pada lawatan khas ke tapak di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU UBAN -** Sebagai langkah keselamatan, sebanyak empat pili bomba tambahan akan dinaik taraf dekat perkampungan Lorong Sungai Dua di sini hujung tahun ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), A. Kumaresan ketika ditemui baru-baru ini berkata, keputusan itu dibuat susulan maklum balas daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia selepas kejadian dua kes kebakaran di kampung berkenaan yang berlaku tahun ini.

Menurut beliau, dua kelemahan dikenal pasti adalah kekurangan pili bomba dan sistem pendawaian elektrik yang telah usang iaitu berusia hampir 30 tahun.

"Di sini hanya ada empat sahaja pili bomba dengan kepadatan penduduk hampir 300 orang.

"Kebarangkalian untuk berlaku kebakaran adalah amat tinggi kerana kampung ini bukan sahaja terdiri daripada kawasan perumahan malah terdapat juga kilang papan, kilang perabot, gudang pakaian, bengkel baiki motor dan lain-lain yang telah berusia hampir 30 tahun," jelasnya.

Kumaresan sebelum itu turut meluangkan masa meninjau longkang roboh di kampung berkenaan yang dipercayai berpunca daripada kejadian ribut baru-baru ini.

Hasil perbincangan yang diadakan bersama-sama penduduk setempat, Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba) serta Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebelum ini, Kumaresan telah menyatakan kesudian beliau untuk memperuntukkan lebih RM30,000 bagi menaik taraf empat pili bomba berkenaan.

"Tanah (kampung) ini merupakan tanah TOL (lesen pendudukan sementara) iaitu milik kerajaan, oleh itu pihak Bomba tidak boleh keluarkan peruntukan mereka untuk menambah jumlah pili sedia ada.

"Kita telah pilih beberapa lokasi strategik... juga telah menghantar sepucuk surat kepada Bomba untuk mendapatkan nasihat mereka dan selepas itu konsultan akan dilantik.

"Mereka (konsultan) akan membuat kajian dan berurusan dengan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk kerja-kerja pemasangan paip dan sebagainya," ujarnya.

## Tiga mangsa ribut terima sumbangan

**DATUK KERAMAT -** Tiga rumah penduduk Kampung Masjid Hashim Yahaya yang mengalami kerosakan akibat kejadian ribut pada 23 Julai lalu memperoleh perhatian daripada wakil rakyat kawasan.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyerahkan bantuan bencana daripada sumber Tabung TYT kepada dua daripada tiga pihak terbabit, iaitu Mohamad Ali Abdul Majid, 52, dan Roslan Yusoff, 50-an.

"Ketika-tiga pihak akan menerima (bantuan bencana) melalui Tabung TYT (dengan jumlah keseluruhan) sebanyak RM1,200.

"Dan, sumbangan tambahan akan ditampung oleh Ahli Parlimen (Jelutong, R.S.N. Rayer)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat ketika melawat rumah Roslan di sini pada 25 Julai 2019.

Selain Rayer, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Penghulu kawasan dan anggota Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) turut sertai lawatan tersebut.

Menurut Jagdeep, sebahagian bumbung rumah Roslan yang rosak akibat dipukul ribut dan hampir dihempap dek pokok besar pada awal pagi hari kejadian.

Bercakap pada sidang media sama, Rayer memberitahu bahawa pihaknya memberi sumbangan bantuan bencana berdasarkan nisbah pemberian yang dibuat melalui Tabung TYT.

"Jumlah pemberian adalah bergantung kepada jumlah sumbangan yang diberikan melalui Tabung TYT.

"Kalau Encik Roslan menerima RM800 daripada Tabung TYT, maka saya akan menggunakan peruntukan sebagai Ahli Parlimen Jelutong sebanyak RM800 juga," katanya sambil merakamkan ucapan takziah kepada ketiga-tiga penerima sumbangan bantuan bencana.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) dan R.S.N. Rayer (kanan sekali) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang mangsa kejadian ribut di sini baru-baru ini.**

## Bakat Si Cilik - Mewarna 2/2019

PENANG 2030

# "Negaraku Tercinta"



Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ______________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ______________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Ogos 2019** hingga **30 September 2019.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM250**

**Kedua: RM150**

**Ketiga: RM100**